


Jilid I
Bil. 84



Hari Isnin
15hb Disember, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 9277]

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Bendapurba [Ruangan 9287]
- Rang Undang-undang Kewangan (Duti Harta Pesaka) (Pindaan) [Ruangan 9304]
- Rang Undang-undang Pinjaman (Tempatan) (Pindaan) [Ruangan 9306]
- Rang Undang-undang Wasiat (Pindaan) [Ruangan 9319]
- Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 3) [Ruangan 9321]
- Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) (Pindaan) [Ruangan 9332]
- Rang Undang-undang Letrik (Pindahmilik Pemasangan Letrik) [Ruangan 9334]
- Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 9341]
- Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan) [Ruangan 9343]
- Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) [Ruangan 9346]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Isnin, 15hb Disember, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- ” Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jejebu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).

- Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SFNG (Petaling).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, A.D.K., B.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).

- Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGGU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.S.D.K., A.D.K. (Ulu Padas).

- Yang Berhormat PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M, K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGGU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGGU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

JUMAAT HARI KELEPASAN AM

1. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menjadikan hari Jumaat sebagai hari kelepasan Am di seluruh negara. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah kerap kali menjawab soalan yang serupa dalam persidangan Dewan pada kali ini. Oleh itu, saya fikir tidak payahlah saya ulangi lagi perkara ini.

TAMBANG KAPALTERBANG KE- PADA AHLI-AHLI PARLIMEN

2. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O. K. K. Haji Asneh minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bahawa tambang percuma kapalterbang diberi kepada Ahli-ahli Parlimen di masa menghadiri sidang Parlimen, samada Kerajaan bercadang memberi tambang percuma tambahan bagi membolehkan Ahli-ahli membawa isteri atau suami mereka bersama di masa persidangan tersebut oleh kerana tidak semua Ahli itu berkemampuan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan mengeluarkan belanja yang besar membiayai perjalanan Ahli-ahli Dewan untuk menghadiri sidang Parlimen. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat membawa isteri/suami bersama-sama atas perbelanjaan Kerajaan, sudah tentulah Kerajaan terpaksa mengeluarkan belanja yang lebih besar lagi. Memandangkan keadaan kewangan Negara pada masa ini, cadangan supaya Ahli-ahli Parlimen diberi kemudahan membawa bersama isteri/suami mereka ke Kuala Lumpur dalam masa persidangan Parlimen tidaklah dapat diper-setujukan. Walau bagaimanapun, Kerajaan membenarkan Ahli-ahli Parlimen yang tinggal di Sabah dan Sarawak balik dua kali dalam tempoh Persidangan Parlimen yang

melebihi tiga minggu supaya mereka dapat menemui isteri/suami, keluarga dan pengundi-pengundi mereka.

JENAYAH ARAK—RISALAH

3. Tuan Mohd. Zahari bin Awang minta Perdana Menteri menyatakan samada terdapat kesan-kesan yang baik di kalangan pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan, pegawai-pegawai swasta dan lain-lain yang ditimbulkan oleh sebuah risalah bernama "Al-Yaqin" yang menerangkan berkenaan jenayah arak yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri; dan oleh kerana jenayah arak, sebagaimana yang dinyatakan oleh risalah tersebut, semakin bertambah, apakah pihak Kerajaan bercadang hendak mengharamkan sahaja penjualan dan peminuman arak di negeri ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, tujuan mengedarkan risalah "Al-Yaqin" itu adalah sebagai satu langkah untuk memperingatkan orang-orang kita Islam samada pegawai-pegawai Kerajaan atau orang-orang awam akan kewajipan mereka sebagai umat Islam yang sempurna. Seperti kita sedia dimaklumkan Jabatan Ugama Islam Negeri-negeri telahpun mengadakan peraturan melarang minuman arak di kalangan orang-orang Islam. Oleh itu, Kerajaan tidaklah bercadang hendak mengadakan undang-undang bagi mengharamkan pengeluaran dan peminuman arak di negara ini. Arak ini haram di kalangan orang-orang Islam. Oleh itu sebarang langkah atau tindakan perlulah dihadapi kepada orang-orang Islam sahaja.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercadang untuk mengharamkan peminuman arak di semua Majlis-majlis Rasmi Kerajaan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini peraturannya dalam Majlis-majlis Rasmi Kerajaan orang-orang Islam tidak dibenar diberi minuman arak.

RANCANGAN BUKU HIJAU

4. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 2*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa petani-petani yang tidak mempunyai tanah di kampung-kampung baru sangat berdukacita di atas Rancangan Buku Hijau beliau yang tidak memberi faedah kepada petani-petani.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah mengelirukan dan mungkin Ahli Yang Berhormat itu tidak faham tujuan dan matlamat sebenar Rancangan Buku Hijau yang telahpun dijelaskan beberapa kali di dalam Dewan ini.

Soalan petani-petani yang tidak mempunyai tanah di kampung-kampung baru tidaklah harus dikaitkan dengan Rancangan Buku Hijau ini.

PERLETAKAN JAWATAN PEGAWAI KANAN TENTERA

5. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (i) bilangan pegawai-pegawai kanan tentera daripada jawatan Leftenan Kolonel ke atas yang telah diminta meletakkan jawatan mereka semasa suku pertama tahun ini, beri sebab-sebab untuk perletakan jawatan yang diwajibkan itu dengan memberi nama dan pangkat pegawai-pegawai tersebut; dan
- (ii) samada benar atau tidak bahawa ramai di antara mereka yang diminta meletakkan jawatannya itu adalah kerana didapati terlibat dalam kegiatan-kegiatan rasuah.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada pegawai-pegawai kanan tentera berpangkat Leftenan Kolonel ke atas yang telah diminta meletakkan jawatan mereka dalam masa suku pertama tahun ini. Yang berhenti hanya mereka yang memohon berbuat demikian dengan kehendak mereka sendiri. Nama-nama pegawai ini ialah:

Mej. Jen. Datuk Othman bin Ibrahim.
Mej. Jen. Ibrahim bin Ismail
Kolonel Dorairajoo
Lt. Kol. Badaruddin bin Ismail
Lt. Kol. Abdul Halim bin Mat.

Oleh yang demikian, soalan kedua tidaklah berbangkit.

PERTANDINGAN RATU CANTIK— FATWA

6. Tuan Mohd. Zahari bin Awang minta Perdana Menteri menyatakan samada Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia akan membuat satu fatwa atau mengeluarkan

hukum mengenai “Pertandingan Ratu Cantik” di kalangan pemudi-pemudi Islam sebab Islam tidak membenarkan umatnya memperandingkan rupa-paras atau kecantikan seseorang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini belum ada sesuatu fatwa atau hukum dikeluarkan mengenai perkara ini. Walaubagaimanapun, Instituti Dakwah juga akan menggiatkan lagi usaha-usaha untuk menerangkan kepada orang ramai supaya acara-acara seperti itu tidak digalakkan.

PENDERMA DARAH

7. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa kebanyakan penderma darah ialah Bumiputra sahaja, jika ya, apakah langkah-langkah beliau akan ambil untuk menggalakkan bukan Bumiputra menderma darah.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Kesihatan jawapan untuk Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut.

Ya, Menteri Kesihatan sedar bahawa kebanyakan penderma darah ialah Bumiputra sahaja. Selain daripada beliau membuat rayuan sendiri di tiap-tiap upacara penyampaian hadiah kepada penderma-penderma darah, langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk menggalakkan bukan Bumiputra menderma darah adalah:

- (a) Menggunakan saluran-saluran sebaran am untuk mengajar, menggerak dan menghapuskan perasaan takut dan perasangka buruk yang ada dalam gulungan masyarakat kita;
- (b) Meminta bantuan dari Pertubuhan-pertubuhan Sukarela, Sekolah-sekolah, pertubuhan-pertubuhan perdagangan dan jabatan-jabatan Kerajaan dalam gerakan untuk mendapatkan ramai lagi penderma-penderma tetap;
- (c) Menawarkan beberapa penggiat, umpamanya:

- (i) Rawatan Pesakit Luar yang percuma bagi masa tempuh 4 bulan dari tarikh pendermaan darah yang terakhir;

- (ii) Kekurangan 50% bayaran-bayaran hospital dan perubatan bagi masa tempoh 4 bulan dari tarikh pendermaan terakhir;
- (iii) Menghadiahkan Sijil-sijil dan Lencana-lencana Perak dan Emas kepada penderma-penderma darah sebagai tanda penghargaan.

(d) Telah menubuhkan, suatu Pusat Pemindahan Darah Kebangsaan di Hospital Besar, Kuala Lumpur untuk mengarahkan dan mengkoordinasikan Perkhidmatan Pemindahan dan Penderma Darah.

ORDINAN PAMPASAN PEKERJA

8. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar di bawah Akta Buruh yang ujud sekarang, sekiranya seorang pekerja meninggal dunia semasa menjalankan tugasnya, saudara-mara simati tersebut tidak dapat menerima wang kompensasi melainkan ibubapa atau isteri atau anak-anaknya sahaja, jika ya, nyatakan samada beliau bercadang memindakan Akta yang berkenaan demi kepentingan saudara-mara simati itu.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, di bawah peruntukan Ordinan Pampasan Pekerja, 1952, tanggungan (dependants) seseorang pekerja yang mati adalah berhak untuk membuat tuntutan bagi apa-apa pampasan yang dibayar. Tanggungan-tanggungan ini ialah ahli-ahli keluarga yang terdiri daripada isteri, suami, ibu-bapa, datuk, nenek, bapa tiri, emak tiri, anak cucu, anak tiri, abang, kakak, abang saudara, kakak saudara, abang tiri, kakak tiri, dan termasuk seorang anak luar nikah (illegitimate child) pekerja itu dan anak-anak angkat yang didaftarkan di bawah Ordinan Pendaftaran Anak Angkat, 1952.

Oleh kerana semua ahli-ahli keluarga seseorang pekerja itu adalah dilindungi dengan secukupnya oleh definisi ini, maka tidak perlulah Ordinan tersebut dipinda.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Soalan tambahan. Memandangkan kepada persoalan next-of-kin di kalangan orang-orang Islam

apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, sebenarnya tidak menepati yang beragama Islam kerana didapati next-of-kin ini berlainan dengan apa yang diperuntukkan di bawah Ordinan, 1952. Jadi, tentu sekali untuk mengelakkan kejadian-kejadian buruk di kalangan umat Islam, apakah pihak Kerajaan tidak mahu membuat kajian tentang hal itu?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan telahpun membuat kajian meliputi orang-orang Islam dan saya fikir Ordinan seperti yang ada sekarang cukup untuk menjaga tentang orang-orang Islam.

PERISYTIHARAN DHARURAT

9. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa perisytiharan dharurat yang masih lagi dalam kegunaan dengan memberi tarikh setiap perisytiharan tersebut dikeluarkan dan mengapa ianya masih belum lagi dibatalkan masing-masing.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, dua pengisytiharan dharurat telah dibuat iaitu satu bertarikh 13hb September, 1964 semasa negara ini menghadapi Konfrantasi dan satu lagi bertarikh 15hb Mei, 1969 berikutan dengan berlakunya kacau-bilau pada 13hb Mei, 1969. Pengisytiharan-pengisytiharan itu tidak dibatalkan oleh kerana keadaan keselamatan pada masa sekarang masih memerlukan.

TALIPON—KELEWATAN PEMASANGAN

10. Tuan Mohd. Zahari bin Awang minta Menteri Perhubungan menyatakan apakah sebab-sebab besar yang menyebabkan pemasangan satu-satu talipon memakan masa yang lama dan rakyat selalu merungut tentang kelewatan tersebut dan apakah langkah-langkah bagi meneyegerakan proses itu di masa-masa hadapan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Talikom bergantung atas pembekal-pembekal Seberang Laut bagi kebel-kebel talipon ukuran tertentu (certain cable sizes) yang penting

untuk perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan. Di dalam hal-hal di mana ada kebel-kebel, perkhidmatan talipon harus dapat diberikan dalam tempoh lebih kurang sebulan.

Sebab yang penting di dalam kekurangan pasangan kebel di kawasan-kawasan tertentu adalah perkembangan yang pesat bagi keperluan talipon dalam 3 atau 4 tahun yang sudah. Jabatan Talikom sedar tentang perkembangan yang pesat ini dan langkah yang terutama sedang diambil untuk memesan alat-alat ibusawat talipon tambahan dan juga kebel-kebel pelanggan, tetapi berbangkit daripada kerisis-kerisis minyak pembekal tidak dapat memenuhi masa yang dikehendaki bagi pembekalan alat-alat tersebut.

Jabatan Talikom juga sedang menghadapi kesusahan untuk mendapatkan kakitangan yang berpengalaman bagi menguruskan projek-projek pembangunan yang besar ini. Ini adalah akibat daripada perletakkan jawatan Jurutera-jurutera dan Pembantu Teknik yang telah ditawarkan gaji-gaji yang tinggi dalam sektor perdagangan. Kedudukan kakitangan adalah diharapkan akan beransur maju, tetapi ini akan mengambil masa beberapa tahun sebelum pegawai-pegawai baru mendapat kebolehan dan pengalaman yang sepatutnya untuk menghadapi beban yang besar yang akan timbul lagi.

Jabatan Talikom selalu memandang kepada kawasan-kawasan baru bagi membekalkan kebel-kebel talipon. Untuk memastikan bekalan yang cukup, pesanan dengan melebehi dari satu pembekal dijalankan. Terdapat juga masalah pembinaan saluran bawah tanah, "manholes" dan peti-peti penyambung untuk menanam kebel-kebel ini, disebabkan ruangan yang terhad dikebanyakan jalan bagi kebel-kebel letrik, saluran paip air, parit dan lain-lain. Soal keperluan "road reserve" bagi kemudahan awam di jalan-jalan raya yang baharu sedang dikaji. Adalah diharapkan ini akan menyenangkan proses-proses penanaman kebel bawah tanah.

Rancangan pembinaan ibusawat talipon baru diberi keutamaan yang penuh dan adalah dijangka bahawa separuh dari projek ibusawat baru ini akan mula siap pada awal tahun 1976.

DEMAM DENGGI—KEMATIAN

11. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan penduduk negara ini yang mati akibat demam denggi di dalam tahun 1975 dan tempat-tempat di mana demam denggi telah terjadi.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun ini dan sehingga tarikh ini bilangan orang yang mati disebabkan demam denggi haemorrhagic 43 orang. Sebab senarainya terlalu panjang, maklumat mengenai tempat-tempat di mana demam denggi (haemorrhagic) berlaku dalam tahun 1975 akan diedarkan kepada Ahli Yang Berhormat di akhir waktu pertanyaan.

TABUNG SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN CHINA

12. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kementerian beliau telah mengarahkan akhbar-akhbar China dari menyiarkan berita mengenai masyarakat China memberi derma atau sumbangan kepada tabung pelajaran sekolah-sekolah menengah persendirian China dan jika ya, mengapa.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak mengarahkan tetapi setakat meminta kerjasama akhbar-akhbar China supaya tidak menghebohkan kempen memungut derma kepada tabung pelajaran sekolah-sekolah menengah persendirian China, kerana dari maklumat-maklumat yang diterima menunjukkan bahawa kempen itu telah mengwujudkan keadaan yang boleh menyebabkan perbalahan kaum. Tindakan saya itu adalah untuk menjaga ketenteraman awam.

DADAH—MENYALAHGUNAKAN OLEH MURID SEKOLAH

13. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan samada terdapat murid-murid sekolah Kerajaan yang telah ditangkap kerana menyalahgunakan dadah dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1975, jika ya, berikan bilangannya dan dari negeri mana serta tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1975 terdapat sembilan orang murid-murid sekolah yang telah ditangkap kerana menyalahgunakan dadah. Butir-butir lengkap mengenai penangkapan murid-murid kerana menyalahgunakan dadah-dadah dari Sekolah-sekolah itu adalah seperti berikut:

Bulan	Bilangan di tangkap		Negeri		Tindakan yang telah diambil oleh polis
Januari	...	1	...	Perak ...	} Ikat jamin untuk berkelakuan baik selama setahun.
Februari	...	1	...	Perak ...	
Mac	...	2	...	—	—
April	...	2	...	—	—
Mei	...	1	...	Pahang	Telah dituduh/didakwa di Mahkamah budak-budak dan telah dihantar ke Taman Rusila di mana urusan telah dibuat untuk membenarkan murid itu mengambil LCE.
Jun	...	2	...	Trengganu	Kes untuk dibicarakan dalam bulan Disember.
Jumlah	...	9	...	—	—

Walau bagaimanapun, angka-angka bagi bulan Mac dan April tidak dapat dipastikan. Ini hanya diketahui dari Rekod Polis yang 4 tangkapan ke atas murid telah dibuat. Tidaklah diketahui samada berapa ataupun semuanya murid-murid itu daripada sekolah-sekolah Kerajaan.

Dalam semua kes murid-murid yang didapati berpengalaman/menyalahgunakan dadah-dadah, tindakan yang telah diambil oleh sekolah ialah memberikan panduan dan counselling untuk menolong murid-murid memberhentikan tabiat itu.

MAKTAB RENDAH SAINS MARA

14. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan terdapatnya perbezaan pentadbiran dan disiplin penuntut-penuntut Maktab Rendah Sains MARA dengan sekolah-sekolah yang di bawah Kementerian Pelajaran samada beliau bercadang mengambilalih pentadbiran Maktab Rendah Sains MARA, jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, tidak, Kementerian Pelajaran tidak bercadang mengambilalih Maktab Rendah Sains MARA masa ini, kerana Maktab-maktab ini adalah di bawah MARA dan Kementerian Pelajaran berpuas hati dengan perjalanan Maktab itu.

TALIPON PERKHIDMATAN PARLIMEN

15. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O. K. K. Haji Asneh minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kementariannya memberi kemudahan perhubungan talipon percuma kepada Ahli-ahli Parlimen dari masa ke semasa bagi menghubungi rakyat di kawasan masing-masing.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan talipon Perkhidmatan Parlimen, Kementerian ini telah mengambil tindakan yang sejajar dengan Akta Parlimen 1960 (bagi faedah-faedah Ahli-ahli) seperti di bawah ini:

- (a) Seseorang ahli itu berhak atas perbelanjaan pemasangan talipon di tempat kediamannya sebagai Pelanggan perseorangan. (Jika beliau masih belum mempunyai perkhidmatan talipon di tempat kediamannya).
- (b) Seseorang ahli yang mempunyai perkhidmatan talipon di tempat kediamannya sebagai pelanggan perseorangan, boleh menerima kembali perbelanjaan pada sewa (talipon itu) daripada Parlimen.

- (c) Ahli-ahli akan dibenarkan menggunakan kemudahan-kemudahan talipon yang disediakan di Parlimen dengan percuma, dan boleh mendapatkan kembali perbelanjaan atas "panggilan-panggilan jauh" yang dibuat ke tempat-tempat panggilan-panggilan rasmi yang dibuat daripada tempat kediaman ahli akan dijelaskan oleh Parlimen, jika ahli tersebut membuat pengakuan di atas bil talipon yang dikeluarkan oleh Jabatan Talikom, bahawa panggilan-panggilan tersebut dibuat atas urusan Parlimen.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BENDAPURBA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (7hb November, 1975).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, barang diingat pada hari Jumaat, 7hb November, 1975 Yang Berhormat Menteri telah mengemukakan Rang Undang-undang ini bagi bacaan kali kedua dan telah disokong dan ditangguhkan perbahasannya pada hari yang akan ditetapkan sekarang kita tetapkan pada hari ini—kita mulakan dengan Rang Undang-undang ini. Adakah Yang Berhormat Menteri hendak menambah apa-apa lagi?

Tan Sri Ong Kee Hui: Ada.

Tuan Yang di-Pertua: Pada hari Jumaat, 7hb November, Yang Berhormat Menteri telah mengemukakan dan telah disokong. Yang hendak tambah apa lagi?

Tan Sri Ong Kee Hui: Saya belum jelaskan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Oh! belum jelas lagi? Sila, kalau ada lagi.

2.55 ptg.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Bendapurba, 1975 dibaca pada kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan kawalan pemeliharaan dan pembinaan semula benda-bendapurba, monumen, kawasan kajipurba dan kawasan bersejarah. Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk mengadakan peraturan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ucapan ini Yang Berhormat telah buat pada hari Jumaat.

Tan Sri Ong Kee Hui: Belum.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah ada dalam rekod ini. Dalam *Hansard* ini sudah ada. Betul-betul bagaimana perkataan Yang Berhormat bacakan itu ada dalam rekod saya.

Tan Sri Ong Kee Hui: Maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat telah kemukakan dan telah disokong oleh Yang Berhormat Menteri Tanah dan Galian. Saya fikir tidak berkehendakkan penerangan lagi.

Jadi, sekarang ini Ahli-ahli Yang Berhormat saya kemukakan untuk bacaan kali kedua Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi mengawal, memelihara dan menyelidik monumen-monumen lama dan bersejarah, tapaktanah-tapaktanah dan bekas-bekas kajipurba, bendapurba-bendapurba dan benda-benda bersejarah dan untuk mengatur urusan mengenai bendapurba-bendapurba dan benda-benda bersejarah dan pengeksplotnya kepada perkara-perkara yang berkenaan dengannya. Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput.

3.51 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong jangan panjang-panjang Yang Berhormat, kita ada 23 lagi Rang Undang-undang untuk diselesaikan dalam masa dua tiga empat hari ini.

Tuan S. Samy Vellu: Baiklah. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberikan sokongan saya kepada Rang Undang-undang Bendapurba, 1975. Saya melahirkan perasaan

gembira saya kerana Kerajaan telah memperkenalkan Rang Undang-undang ini yang tepat pada masanya untuk dilaksanakan bagi memberi perlindungan kepada bendapurba.

Tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk mengawal dan memberi perlindungan di samping menyelidiki barang-barang purba dan monumen-monumen lama.

Tapak kaji purba dan kesan peninggalannya termasuk bendapurba dan benda-benda sejarah dan segala-segalanya adalah untuk pengawalan eksport bendapurba dan bahan-bahan sejarah yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah dan tamadun sesebuah negara itu adalah dinilai daripada kekayaan bahan-bahan purbanya. Sejarah negara kita akan dapat dikesan melalui penyedikikan rapi dari kekayaan sejarahnya.

Saya sungguh gembira kerana Kerajaan telahpun mengorak langkah pada ketika yang sesuai ke arah cita-cita melindungi benda-benda purba. Saya fikir Rang Undang-undang ini akan memberikan kuasa yang cukup untuk memberi perlindungan kepada monumen-monumen negara kita yang bersejarah untuk mengesan kembali tamadun dan kebudayaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, penyeludupan benda-purba yang bermutu telah menjadi satu perniagaan yang lumayan dan terbesar di bahagian dunia barat. Banyak monumen-monumen yang bersejarah kepunyaan negara-negara di Asia telah hilang disebabkan kecurian dan penyeludupan, kerana benda-benda purba itu mempunyai nilai sejarah yang biasanya mendapat harga yang cukup lumayan. Maka kebanyakan negara-negara Asia telah kehilangan barang-barang dan kekayaan sejarahnya, mungkin kejadian ini disebabkan kelonggaran atau ketiadaan undang-undang memperlindunginya.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia ialah sebuah negara yang kecil di dunia ini, tetapi kebudayaan, tamadun dan bahasa kita bukanlah kecil yang tidak dikenali. Tamadun dan kebudayaan kita dilindungi oleh Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya menyatakan bahawa pelaksanaan Akta ini adalah terserah dengan sepenuhnya ke dalam tangan Ketua Pengarah Muzium yang telah bertindak dengan bijaknya.

Di sini suka saya merakamkan penghargaan saya ke atas perkhidmatan cemerlang Jabatan Muzium dalam lapangan pameran ethnology, bendapurba dan ilmu kejadian. Perkhidmatan pelajaran Jabatan Muzium telah menjalankan berbagai-bagai projek di beberapa tempat seperti di Lembah Bujang, di Kedah, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan dan Melaka.

Sukalah saya meminta kepada Pengarah Muzium untuk meluaskan aktiviti-aktiviti ke negeri-negeri lain di dalam Malaysia dan juga di Malaysia Timur. Kalau aktiviti-aktiviti itu dikembangkan Jabatan Muzium boleh memainkan peranan penting untuk menyebarkan pengetahuan warisan kebudayaan tradisi serta menyelamatkan dan melindungi harta kebudayaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan di sini bahawa fungsi-fungsi Muzium ialah untuk memberikan pelajaran bagi orang dewasa yang ingin tahu tentang kebudayaan dan sejarah tanahair. Pada masa ini Jabatan Muzium menjalankan aktiviti-aktiviti pelajaran kepada penuntut-penuntut dan juga memberikan pelajaran penyelidikan material kepada penuntut-penuntut pengajian tinggi. Di sini suka saya meminta Jabatan Muzium supaya menambahkan aktiviti-aktiviti ke negeri-negeri dalam Malaysia. Kalau kita meluaskan aktiviti-aktiviti Muzium kita, Tuan Yang di-Pertua, ia akan dapat memainkan satu peranan penting dalam ekonomi negara kita dengan cara menarik perhatian lebih banyak pelancong melawat ke negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pertolongan Akta ini, saya harap Jabatan Muzium akan dapat menjalankan aktiviti-aktiviti kepada semua kawasan kaji purba yang terdapat di seluruh Semenanjung Malaysia. Saya berharap Kerajaan akan dapat membenarkan peruntukan yang lebih banyak bagi cawangan monumen supaya dapat menjalankan kerja-kerja penyelidikan pengurusan dan pemeliharaan di kawasan-kawasan dan bangunan-bangunan bersejarah yang terdapat di seluruh Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan supaya Jabatan Muzium akan membuka pejabat-pejabat di tiap-tiap zone di selatan, utara dan Pantai Timur untuk melaksanakan tujuan dan melicinkan lagi perjalanan cawangan monumen.

Fasal 3 di dalam Rang Undang-undang ini meminta sesiapa yang terjumpa bendapurba hendaklah memberitahu Ketua Pengarah. Fasal ini memberikan perlindungan penuh kepada artikel-artikel seumpama itu. Bahagian yang paling menggembirakan di dalam Rang Undang-undang ini ialah Fasal 5 iaitu untuk memberikan pampasan kepada sesiapa yang terjumpa barang-barang yang berharga dalam kategori yang tersebut. Ini akan menggalakkan orang ramai mengirakan barang-barang itu dengan luasnya.

Fasal 7 yang memberikan tempoh tiga bulan kepada sesiapa yang hendak melupuskan item bendapurba hendaklah memberitahu Ketua Pengarah. Sekiranya Ketua Pengarah gagal dengan Rang Undang-undang baru ini, Tuan Yang di-Pertua, saya harap kita akan dapat menyimpan semua kekayaan sejarah negara kita. Ini akan juga dapat merintas jalan ke arah pengenalan sejarah, kebudayaan dan tamadun kita di dalam dunia sebelah timur ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya sukalah saya memberikan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan Ketua Pengarah Muzium yang telah memperkenalkan Rang Undang-undang ini hari ini.

3.05 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Bendapurba ini.

Saya rasa telah tibalah masanya dan tepat pula kerana memandangkan beberapa tempat-tempat pelajaran tinggi telah ditubuhkan di dalam negara kita, seperti universiti-universiti yang ada sekarang dan tempat-tempat pelajaran tinggi, ini berkehendakkan pusat-pusat untuk membuat kajian terutama sekali dalam masalah bendapurba. Jadi, apa yang diharapkan iaitu pihak Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan akan menumpukan dan memberi perhatian berat kepada kedudukan Muzium supaya Muzium ini menjadi bukan sahaja pusat untuk pelancung dan orang ramai melihat keadaan benda purba, tetapi menjadi salah sebuah daripada pusat pengajian untuk penuntut-penuntut universiti. Dan dengan harapan ini juga kita semua sedia maklum bahawa cara begini pada masa yang akan datang untuk hendak

mendapatkan misalnya ijazah-ijazah tertinggi seperti Ph.D., Masters dan sebagainya tidak payahlah penuntut di dalam negara kita pergi keluar negeri mencari bahan.

Apa yang sedih dan dikesalkan ialah warganegara kita dan penuntut-penuntut kita sekiranya hendak mendapatkan ijazah-ijazah yang tertinggi mengenai dengan negaranya sendiri, mereka terpaksa keluar negeri ke Europe dan ke England untuk masuk universiti ataupun tempat-tempat dan pusat-pusat oriental studies untuk membuat kajian negaranya dan tempat lain untuk mendapatkan ijazah. Saya berharap bendapurba ini dijadikan hak milik negara.

3.07 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian ini yang telah dapat mengemukakan Bil Bendapurba yang mana saya berpendapat sepatutnya telahpun dikemukakan lama dahulu.

Walau bagaimanapun, saya percaya ini belum terlambat lagi, dan sebagaimana yang kita maklum walaupun negara kita ini kecil tetapi kita mempunyai sejarah yang berliku-liku sejak daripada zaman batu, zaman Donzon, Kerajaan Langkasuka, Gangga Negara hinggalah pada masa ini, tetapi mungkin dalam sejarah negara kita ini, kita mengalami nasib yang kurang baik kerana kita dijajah daripada satu masa ke satu masa daripada tahun 1511 Melaka dikalahkan oleh Portugis dan kemudian Belanda dalam tahun 1641 seterusnya hingga kita mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957. Jadi, dengan adanya penjajahan yang bersilih ganti mereka telah banyak membawa bahan-bahan bendapurba kita yang seolah-olah menjadi hak mereka membawa barang-barang itu ke negara mereka.

Kita terdapat misalnya di Brussels (Belgium) the Hague, Amsterdam, Leiden, London dan sebagainya, samada batu-batu bersurat, karangan-karangan lama ataupun senjata-senjata lama. Jadi oleh kerana itu hak kita saya mencadangkan walau dengan apa cara sekali pun samada Kementerian atau Jabatan yang berkenaan cuba mengambil balik samada membeli ataupun dengan cara berunding dan sebagainya. Maksud saya bahan-bahan yang berharga yang patut kita simpan dalam khazanah

negara kita untuk kenang-kenangan anak cucu kita di masa yang akan datang. Selain daripada itu, saya percaya bahan-bahan purba ini masih banyak lagi terdapat di dalam negara kita samada yang tersimpan pada orang perseorangan atau masih ada dalam tanah dan sebagainya. Jadi patutlah Jabatan ini berusaha mencari jalan untuk mendapatkan apa yang saya katakan tadi. Di dalam perkara ini tentulah pegawai-pegawai yang mewakili Ketua Pengarah hendaklah mempunyai pengetahuan ataupun cara-cara untuk hendak mengambil barang-barang ini kerana dari segi kepercayaan setengah-setengah orang kita bandal-lama ini setengahnya dianggap sebagai benda sakti dan setengah-setengahnya pula berpuaka dan sebagainya yang mereka tidak mahu barang itu dilepaskan kepada orang seberangan. Jadi untuk hendak mendapatkan barang-barang yang berharga untuk disimpan menjadi khazanah negara kita di Muzium hendaklah kita menghantar orang-orang yang mempunyai pengalaman dalam perkara ini. Benda-benda purba dan sebagainya yang terdapat di dalam Muzium tiap-tiap negeri di Malaysia patutlah Jabatan ini menyelaraskan dan bekerjasama dengan pihak-pihak negeri-negeri dan yang mana berbentuk sejarah kebangsaan patutlah kita simpan di Muzium Negara.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan bahan bendapurba ini kita dapati pada masa sekarang penduduk-penduduk negara kita telah mengetahui dan telah menghargai dan dengan ini banyak terdiri kedai yang menjual bahan-bahan purba yang mana kalau tidak salah saya dipanggil barang-barang antique. Jadi di sini saya suka hendak mengingatkan ada terjadi perbuatan penipuan yang biasanya barang yang lama hendak dibarukan, tetapi barang yang baru hendak dilamakan. Misalnya, saya selalu dimaklumkan mengenai senjata kris ataupun duit syiling. Banyak terdapat orang-orang yang tidak bertanggungjawab cuba membuat penipuan yang mana kris yang baru dicacakkan di dalam tanah selama dua bulan kemudian menjadi kris lama kerana ada setengah-setengah kepercayaan orang-orang kita kris lama ada mempunyai satu maksud yang tersendiri. Jadi, kalau tidak dikawal tentulah keaslian barang-barang lama yang sebenarnya barang baru itu dijadikan seperti barang lama yang men-

datangkan harga yang lebih. Begitu juga dengan duit-duit lama yang setengah-setengah orang mempunyai kepercayaan bahawa duit ini mempunyai tuah dan sebagainya. Banyak terjadi duit-duit baru yang dicipta untuk dijadikan bendapurba. Saya harap dengan adanya Akta ini dapatlah perkara-perkara ini dikawal bukan sahaja dua benda ini bahkan benda-benda yang lain supaya keaslian bendapurba tetap sebagaimana asalnya.

Dan akhirnya memandangkan tugas Muzium Negara ini telah bertambah besar maka saya mencadangkan patutlah bangunan Muzium Negara ditambah dan diperbesarkan lagi sesuai dengan fungsinya sebagaimana yang telah saya katakan tadi.

3.11 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Bendapurba, 1975 yang dibentangkan dalam Dewan ini patutlah kita alu-alukan. Kita ketahui negara kita memang kaya dengan benda-bendapurba atau benda-benda bersejarah maka dengan lulusnya dan berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini, saya percaya benda-bendapurba dalam negara kita dapat dikawal, diperlihara dan diselidiki bagi faedah negara dan rakyat jelata.

Pada pendapat saya kawasan di luar Muzium Negara itu sangat sempit atau bahan-bahan pamirannya, misalnya kapal korek bijih belakang Muzium Negara itu patut diletakkan di satu tempat yang lebih sesuai dan tersergam lagi dan bukan tersorok di belakang bangunan dalam kawasan tempat letak kereta. Jika letaknya kapal korek bijih itu di satu tempat yang sesuai dan tersergam, maka saya percaya bahan pameran itu boleh jadi satu tempat tumpuan bukan sahaja penuntut-penuntut sekolah bahkan juga pelawat-pelawat luar negeri kita kerana kita ketahui "bijih timah" adalah salah satu pengeluaran utama negara kita.

Selain daripada itu saya suka mengesyorkan kepada Dewan ini dan kepada Kerajaan bahawa kawasan yang berhamipran di sekeliling bangunan Muzium Negara itu patutlah diserahkan kepada pihak Muzium, dan dengan itu nanti Kerajaan akan dapat

membuat bangunan tambahan bagi Muzium. Jika perlu untuk menempatkan lebih banyak lagi bahan-bahan pameran dari satu masa ke satu masa.

Satu perkara lagi yang menarik perhatian saya dalam Rang Undang-undang ini ialah bahawa untuk menyenangkan sesiapa yang menjumpai benda-bendapurba dan suka menyerahkannya bolehlah berbuat demikian kepada Ketua Pengarah, tetapi dalam Fasal 4 diperuntukkan bahawa orang yang menjumpai bendapurba itu hendaklah melapurkan kepada Penghulu, atau Penggawa, atau Pegawai Daerah, kemudian daripada itu Penggawa atau Pegawai Daerah akan menyampaikan laporan tersebut kepada Ketua Pengarah. Pada pendapat saya untuk menjimatkan masa patutlah diadakan peruntukan supaya sesiapa juga yang menjumpai benda-bendapurba dibolehkan menyerahkan benda-bendapurba itu kepada Ketua Pengarah tanpa melalui Pegawai Daerah. Benda-bendapurba adalah benda yang bernilai dan pada pendapat saya Ketua Pengarah patut disertai dengan seorang atau lebih daripada seorang pegawai dari Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar atau dari Perbendaharaan. Misalnya untuk menentukan pampasan yang patut dibayar kepada orang yang menjumpai atau tuan punya benda-bendapurba yang hendak diambil lebih elok lagi satu Jawatankuasa Pentaksir Tetap yang dianggotai oleh wakil-wakil Kementerian yang bertanggungjawab dalam perkara benda-bendapurba dan Kementerian Kewangan patutlah menubuhkan untuk menaksirkan nilai harga benda-bendapurba yang hendak diambil punya oleh Kerajaan. Ini akan mengelakkan keraguan dari segi harga bendapurba di kalangan orang-orang ramai sebagai tuan punya bendapurba yang hendak dimilik oleh Kerajaan.

Dengan terbentuknya jawatankuasa seperti ini harus akan mengurangkan rayuan atau pertikaian mengenai harga yang mungkin dimajukan kepada Menteri sebagai orang yang membuat keputusan muktamat dalam perkara seperti ini.

3.15 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Bendapurba yang dikemukakan ini kerana sebagaimana yang kita

tahu Malaysia dahulu namanya Semenanjung Tanah Melayu ialah sebuah negara yang mempunyai banyak sejarah, sebuah negara yang mempunyai berbagai jenis kebudayaan dan sebuah negara yang mempunyai berbagai-bagai bahan-bahan sejarah semenjak daripada zaman purba lagi. Jadi adalah satu perkara yang amat mustahak undang-undang yang seumpama ini diadakan di negeri kita walaupun agak terlewat, kerana undang-undang ini diadakan setelah hampir 20 tahun negara kita merdeka.

Sepatutnya sudah lama undang-undang seumpama ini dibentangkan dan diadakan supaya benda-bendapurba negara kita dari dahulu lebih terselamat, tetapi kita tidak hairan oleh sebab dari dahulu lagi semenjak kita merdeka pun Muzium kita adalah dikelolai oleh orang yang bukan anak negeri kita sendiri dan semenjak Muzium itu diambil-alih oleh anak negeri kita Malaysia sendiri berbagai-bagai perubahan baru kita nampak dan timbul keinsafan tentang mustahaknya mengawal sejarah negara, mengawal bendapurba sebagai hak negara dan kebudayaan kita, maka pada hari ini baharulah Rang Undang-undang ini dibentangkan. Dengan adanya Rang Undang-undang ini kita sendiri dapat memastikan banyak bendapurba kita dapat diselamatkan, kerana negeri kita semenjak beratus dan beribu tahun dahulu memang kaya dengan barang-barang ini dan kalau boleh dengan adanya undang-undang ini kita tidak akan lagi kehilangan benda-bendapurba kita seperti yang kita telah hilang hampir 100 tahun dahulu iaitu zaman kurun ke sembilan belas bagaimana yang diceritakan oleh Abdullah Munshi.

Raffles dengan Kapal "The Fames" mengangkut segala jenis bendapurba tanahair kita bawa balik ke Eropah akhirnya karam di laut dan sejarah negara kita tidak tahu berapa banyak telah hilang. Ini satu kerugian yang amat besar oleh sebab pada masa itu kita dianggap suatu bangsa yang belum bertamadun dan apa sahaja yang dibuat oleh orang-orang Eropah maka kita tidak mengerti tentang benda-bendapurba itu dan kita telah kerugian besar. Saya harap dengan adanya undang-undang yang seperti ini maka kehilangan seumpama itu tidak akan berlaku bahkan akan mencuba pula mencari balik sejarah-sejarah atau bendapurba yang hilang itu supaya dapat diletakkan di dalam satu

Muzium yang lebih besar dan lebih menasabah sebagai Muzium sebuah negara yang merdeka dan mempunyai sejarah. Muzium yang ada pada hari ini dirika dalam masa 20 tahun dahulu yang pada masa itu negara kita baharu menempuh pilihanraya dan baru hendak merdeka dan sekarang tidak sesuai lagi. Sepatutnya negara kita mesti mempunyai sebuah Muzium yang benar-benar sesuai dengan sebuah negara merdeka yang telah 20 tahun mengadakan pilihanraya. Sejarah merdeka, sejarah pilihanraya, sejarah berpolitik, sejarah pemimpin-pemimpin kita yang ulung, tidak sedikitpun kurang yang boleh dicatit, yang boleh dipamirkan, yang boleh ditunjukkan dalam sebuah Muzium yang besar seperti yang kita idam-idamkan.

Saya menyokong seperti rakan-rakan saya tadi yang mengesyorkan sudah sampailah masanya yang Kerajaan memikirkan mengadakan sebuah Muzium yang besar yang barangkali dua kali ganda lebih daripada itu yang betul-betul melambangkan bahawa Malaysia mempunyai sebuah Muzium yang sesuai dengan sejarah yang begitu banyak. Dan lagi saya suka menyambung sedikit lagi iaitu mengalu-alukan dengan adanya Rang Undang-undang ini yang membayar atau memberi pampasan kepada orang-orang yang menjumpai atau menunjukkan bendapurba kepada Kerajaan. Ini adalah sesuai iaitu menunjukkan bahawa Kerajaan tidak berkehendak bahawa satu bendapurba itu diambil daripada rakyat dengan begitu sahaja, tetapi diberi wang pampasan. Ini sudah sepatutnya diberi sebagai satu galakan dan boleh jadi ramai orang-orang kita di kampung-kampung dan di tempat sejarah lama akan cuba mencari atau memberi kepada Kerajaan dengan sebab mereka sedar ada sedikit pampasan seumpama ini.

Saya rasa itulah sedikit sebanyak pandangan saya terhadap Rang Undang-undang Bendapurba ini dan dengan ini saya menyokong penuh dan mengalu-alukannya.

3.21 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya suka bercakap bagi menyokong di atas Rang Undang-undang Bendapurba yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri, baru sekejap tadi. Saya bukan sahaja menyokong bahkan memikirkan bahawa sepatutnya Rang Undang-undang seperti ini dibentangkan

pada awal merdeka lagi kerana memandangkan kita adalah satu bangsa yang mempunyai sejarah dan satu bangsa yang mempunyai tamaddun semenjak Empayar Melaka dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kedudukan sejarah negara kita ini telah banyak yang hilang disebabkan oleh beberapa perkara. Pertama, barang-barang yang boleh diangkat dan dipindah telahpun dibeli oleh orang-orang yang menggemarnya samada dengan tujuan untuk perhiasan, peringatan ataupun dengan tujuan yang lain iaitu menghilangkan barang-barang sejarah daripada negara kita. Sekarang kita dapat tahu bahawa ramai orang pergi ke kampung-kampung untuk membeli barang-barangpurba dengan harga yang mahal dan dengan berbagai-bagai pujukan.

Kedua, sebahagian besar kesan-kesan sejarah kita sendiri menghapuskannya, seperti istana-istana raja telah kita robohkan dan kita dirikan dengan yang baru. Rumah-rumah pembesar-pembesar di zaman lama telah kita robohkan dan telah kita dirikan dengan yang baru. Masjid-masjid yang lama-lama telah kita robohkan dan kita dirikan dengan yang baru. Sepatutnya kita tidak berbuat demikian, tetapi kita telah berbuat demikian kecuali sebahagian kecil sahaja yang tinggal.

Ketiga, kubur-kubur yang bersejarah telahpun kita hapuskan sebahagiannya ataupun kita pendamkan begitu sahaja dengan sebab kubur-kubur lama ini telah menjadi pegangan kepada peminat-peminat dan pemain-pemain yang tertentu seperti pemain ekor memujanya dan Pejabat Ugama pula menyatakan bahawa kubur ini perlu dipendamkan supaya tidak ketara kepurbaannya atau kemasyhurannya, maka dengan demikian kubur itu tidak ketara lagi. Itu satu daripada cara-cara yang telah kita buat pada masa yang lalu. Saya rasa dengan adanya Rang Undang-undang ini maka kesan-kesan sejarah yang masih ada akan dapat kita simpan dan kita kumpulkan kembali demi untuk jenerasi kita di masa yang akan datang.

Di setengah-setengah negara mereka telah lama membuat undang-undang seperti ini dengan menampal di bangunan-bangunan tersebut dengan menyatakan bahawa ini adalah hak negara, sesiapa yang merosakkan adalah boleh didenda dan dihukum dengan

seberat-beratnya. Banyak negara-negara yang saya lihat ada membuat tanda-tanda seperti itu. Bukan semua barang-barang ini disimpan di muzium, tetapi diletakkan di tempat asalnya. Ini sebenarnya sangat berfaedah untuk masa yang akan datang khasnya kepada kita bangsa Melayu yang ada di Malaysia ini kerana orang mengatakan bahawa kita ini adalah orang yang tidak mempunyai asas yang lama di negara kita ini. Jadi perkara ini tidak timbul kerana adanya kesan-kesan sejarah sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang ini saya rasa kita perlu mengembeling tenaga kita untuk mengumpulkan kembali iaitu mulai sekarang kita hendaklah pergi ke kampung-kampung memungut kembali kesan-kesan sejarah yang ada di kampung-kampung. Demikian juga mendaftarkan kembali kesan-kesan sejarah yang ada di kampung-kampung. Banyak kita lihat bahawa ulama-ulama di zaman silam yang telah membuat bakti kepada negara, tetapi sekarang ditinggalkan makamanya begitu sahaja dengan tidak dipedulikan orang. Sebagai satu contoh sekarang ini, kalau di Kelantan dengan Makam Tok Kenali yang termasyhur sepatutnya menjadi satu kesan sejarah lama kerana beliau adalah memimpin masyarakat di sana sehingga mendapat kejayaan dalam bidang pelajaran, demikian juga dalam perkara-perkara yang lain.

Kedua, mulai sekarang kita hendaklah pergi membeli semula rumah-rumah pembesar-pembesar negara kita di zaman silam yang telah dibeli oleh taukeh-taukeh dan orang-orang kaya untuk tempat tinggal mereka sekarang ini dan juga istana-istana raja di zaman lama yang telahpun dibeli oleh taukeh-taukeh dan mereka tinggal di tempat itu. Ini mustahak sekali kerana sekarang ini kita telah melihat banyak barang-barang ataupun istana dan rumah-rumah besar ini telahpun dimiliki dan diduduki oleh orang-orang yang saya katakan tadi. Ini bukan maksudnya kita angkat istana itu dan bawa balik ke muzium kerana muzium itu kecil sahaja tempatnya tetapi biarkan harta-harta itu tinggal di tempat tersebut bahkan dicatitkan sahaja "Ini adalah hak Kerajaan", dan hendaklah dikawal ataupun dipagar supaya barang itu kekal selamalamanya.

Ketiga, saya ingin menyarankan supaya barang-barangpurba seperti duit syiling, keris, pedang dan sebagainya yang ada di tangan perseorangan sekarang ini jangan kita memaksakan supaya orang-orang ini menyerahkan kepada muzium sahaja. Apa yang penting kepada kita ialah mendaftarkan sesiapa yang mempunyai barang-barang ini dan menjadi satu kesalahan jika sekiranya tidak didaftarkan. Sebab kadang-kadang seseorang itu lebih suka barang ini disimpan di rumah-rumah sebagaimana salah seorang Ahli Yang Berhormat yang mengatakan bahawa setengah orang menganggap barang ini keramat dan sebagainya. Jadi saya mengesyorkan supaya diadakan sistem mendaftarkan iaitu barang ini tidak boleh dijual, digadai dan sebagainya. Cuma biarlah sekarang dibenarkan disimpan di rumah sesiapa yang mempunyainya. Sekiranya Kerajaan memerlukan dengan tidak ada apa-apa halangan maka Kerajaan boleh mengambilnya dengan baik dan memberi sedikit imbuhan. Oleh yang demikian saya rasa amat baik Rang Undang-undang ini dibentangkan sekarang ini dan bolehlah kita menyemak kembali kesilapan-kesilapan kita di masa yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Semerah dan selepas Ahli Yang Berhormat dari Semerah, Yang Berhormat Menteri akan menjawab kerana nampaknya tidak ada Ahli lain yang hendak bercakap.

3.30 ptg.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Semerah): Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan dan menyokong Rang Undang-undang yang bercadang untuk mengawal, memelihara dan menyelidik monumen atau benda-benda bersejarah atau benda-bendapurba. Pada pendapat saya memang sudah lama sepatutnya Rang Undang-undang seperti ini diadakan kerana memandangkan banyak barang-barang benda purba kita yang telah dibawa keluar negeri samada oleh Kerajaan negeri lain untuk disimpan di muzium mereka dan orang-orang persendirian khususnya bangsa-bangsa asing yang telah membeli dan mengumpul barang-barangpurba itu menjadi kegemaran pula kepada orang-orang kaya yang akan bersedia membayar harga tinggi untuk membeli daripada orang-orang kita, boleh dikatakan lebih daripada separuh barang-barangpurba itu

dibawa keluar dan ditayangkan di negeri-negeri lain, sedangkan di negeri kita sendiri tidak didapati barang-barang yang dikeluarkan di negeri kita sendiri. Kalau dilihat di dalam muzium kita tidak terdapat barang-barangpurba atau antique sebagaimana yang tersimpan di muzium negara-negara lain.

Saya berpendapat dengan adanya undang-undang seperti ini benda-bendapurba dan benda-benda bersejarah di negeri kita ini akan dapat dikawal supaya disimpan di dalam negara kita sendiri, dapat dilihat dan diturunkan kepada anak cucu kita. Oleh itu saya fikir Fasal 3 (1) yang bertujuan menjadikan harta kepada benda-bendapurba yang dijumpai selepas bermula kuatkuasanya kepada Kerajaan adalah satu langkah yang akan membawa banyak kebaikan kepada negara kita. Kita semua mengetahui bahawa di dalam masa penjajah dahulu banyak barang-barangpurba yang dibawa ke negeri lain khususnya ke negeri penjajah. Negeri-negeri lain pula seperti India dan Indonesia pun mengalami kesulitan seperti ini sehingga pada masa ini banyak barang-barangpurba itu didapati di dalam muzium negeri-negeri Barat. Saya percaya banyak barang-barangpurba kita seperti senjata, keris barang-barang perhiasan dan sebagainya yang dipunyai oleh keluarga di raja dan orang-orang besar pada masa purbakala dahulu telah didapati di muzium negeri Inggeris. Saya suka mencadangkan kepada Kerajaan supaya meneliti perkara ini dan jika boleh diambil langkah supaya Kerajaan dapat mencapai sefahaman dengan Kerajaan negara-negara berkenaan supaya barang-barangpurba itu dapat dipulangkan atau dipinjamkan kepada kita. Berkaitan dengan perkara ini juga saya suka meminta kepada Kerajaan supaya memberi perhatian berat kepada buku-buku purba dan manuscript, umpamanya, buku hikayat oleh Munshi Abdullah. Saya percaya buku-buku seperti ini masih dipunyai oleh pihak orang-orang tua oleh itu, amatlah baik jika pihak Kerajaan mengambil langkah membeli dan mendapatkan buku-buku itu supaya dapat disimpan di dalam muzium untuk jenerasi yang akan datang.

Di samping itu juga saya berpendapat dengan rakan-rakan yang lain supaya pihak Kerajaan dapat mendirikan sebuah muzium yang lebih elok dan lebih besar dan sesuai dengan keadaan negara kita pada hari ini. Maka dengan ini juga saya mengucapkan

setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian berkenaan yang telah dapat mengemukakan Rang Undang-undang Bendapurba di Dewan ini.

3.35 ptg.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak mengucapkan sebanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang ini. Ramai Ahli Yang Berhormat telah mengalu-alukan Rang Undang-undang ini dan kebanyakan Ahli Yang Berhormat berpendapat bahawa Undang-undang ini patut diadakan sebelum merdeka dahulu. Sebenarnya, kita telahpun ada undang-undang bendapurba iaitu The Antiquities and Treasure-trove Ordinance, 1957. Rang Undang-undang yang saya kemukakan kepada Dewan yang mulia ini pada masa ini adalah untuk lebih memperkemas lagi peruntukan yang diadakan di dalam Rang Undang-undang yang lama dahulu. Jadi inilah maksud Rang Undang-undang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput ada meminta Ketua Pengarah Muzium untuk meluaskan aktiviti muzium ke seluruh negara. Ini memang maksud Jabatan Musium Negara tetapi malangnya untuk negeri Sabah dan Sarawak hal ehwal muzium dan monumen di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing mengikut Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak juga minta Kerajaan mengambil perhatian berat supaya Muzium Negara mendirikan suatu pusat pengajian tinggi agar di masa yang akan datang tidak payah pelajar-pelajar kita pergi belajar ke negeri luar. Pada masa ini pun pihak Muzium Negara memberi segala kerjasama kepada mahasiswa-mahasiswi untuk membuat kajian di dalam berbagai bidang baik dari universiti ataupun dari mana-mana maktab.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat mencadangkan agar bahan-bahan bendapurba yang telah dibawa keluar dari negeri ini diambil semula ke negeri ini. Dalam tahun 1974 pihak Muzium Negara telahpun menghantar 3 orang pegawai melawat negara asing di Eropah untuk mendaftarkan barang-barang dari Malaysia yang dibawa dan dipamirkan di muzium di luar negeri.

Tentang perkara ini kita harap dapat kerjasama dari muzium-muzium itu supaya kita dapat mengambil semula barang-barang itu contohnya balik ke negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat juga ada menyentuh perkara yang boleh berlaku seperti satu orang yang meniru barang-barang harta purba. Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat itu, seseorang yang berbuat demikian boleh didenda di mahkamah di bawah Penal Code. Jadi pihak Polis boleh mengambil tindakan di atas perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Parit ada memberi pandangan berkenaan dengan kawasan di luar muzium, itu adalah terlampau sempit. Jadi, beliau mengesyorkan supaya tempat yang lebih luas lagi diberikan kepada Muzium Negara. Memangnya ada rancangan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk membina bangunan tambahan. Cadangan ini sedang ditimbang oleh Kerajaan. Berkenaan dengan meluaskan kawasan itu, cadangan itupun dalam kajian pada masa sekarang.

Ahli Yang Berhormat itu juga mengesyorkan supaya ditubuhkan satu jawatankuasa untuk menilai pampasan yang akan diberi kepada orang yang empunya benda-purba. Cadangan ini sangat baik dan akan ditimbang.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang minta muzium ini dibesarkan lagi supaya dapat melambangkan sejarah Malaysia. Saya mengucapkan berbilang terima kasih atas cadangan ini. Muzium Negara dengan sedaya-upaya akan cuba mempamerkan bahan-bahan yang bersejarah dengan tanah-air kita.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun ada juga merojok kepada rumah-rumah, bangunan-bangunan yang patut dikawal kerana bangunan-bangunan ini bersejarah. Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Muzium Negara telah menjalankan pembelian rumah-rumah tradisional pada masa ini dan ini sedang dijalankan.

Mengenai harta-benda yang dipegang oleh orang-orang awam pada masa sekarang Kerajaan tidak bercadang merampas harta-purba ini dan apa yang perlu ialah harta-purba ini disimpan dalam negeri kita kerana maksud Rang Undang-undang ini hendak

mengawalkan supaya barang-barang ini tidak dibawa keluar daripada negara kita. Dengan Akta ini dapatlah Ketua Pengarah Muzium mendaftarkan barang-barang seperti ini supaya barang-barang ini jikalau hendak dijual oleh sipemunya harta benda itu Kerajaan berhak untuk membeli harta benda itu untuk Muzium Negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dungun, Semerah dan Ledang mengatakan Rang Undang-undang ini patut dibawa kepada Dewan yang mulia ini terlebih awal. Seperti kata saya tadi oleh kerana pada masa dahulu ada Antiquities and Treasure-trove Ordinance, 1957 yang di bawah bidang kuasa Negeri-negeri, jadi kita fikir ini dapat mengawalkan perkara ini tetapi rupanya perlulah kita ambil lebih dekat lagi supaya kita dapat jalankan dengan sempurna.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan saya atas syor-syor, cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 35 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (DUTI HARTA PESAKA) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.48 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka), 1965" dibaca bagi kali yang kedua. Pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada

Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka), 1965 dalam Rang Undang-undang ini adalah untuk melaksanakan cadangan-cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan apabila beliau mengemukakan Belanjawan Tahun 1976 dalam Dewan ini pada 6hb November, 1975. Pindaan-pindaan ini akan mula berkuatkuasa dari 1hb Januari, 1976.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, tiada duti harta pesaka kena dibayar atas suatu harta pesaka jikalau nilainya tidak melebihi \$25,000. Dengan tujuan untuk memberi pelepasan yang lebih atas harta pesaka yang kecil, adalah dicadangkan supaya jumlah tersebut dinaikkan kepada \$50,000.

Selain daripada itu, adalah dicadangkan untuk memasukkan dua lagi kadar sut pada penghujung rangka duti harta pesaka yang mana akan dikenakan atas harta-harta pesaka yang besar sahaja supaya struktur duti harta pesaka akan menjadi lebih progresif.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pidaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN (TEMPATAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.52 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Ordinan Pinjaman (Tempatan) 1959" dibaca bagi kali yang kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebahagian besar daripada sumber-sumber kewangan Kerajaan untuk tujuan-tujuan pembangunan diperolehi melalui pinjaman-pinjaman dari kedua-dua pasaran dalam negeri dan luar negeri. Pinjaman dari dalam negeri berbentuk jangka sederhana dan jangka panjang diperolehi di bawah kuasa Ordinan Pinjaman (Tempatan) 1959. Bila Ordinan ini mula dikuatkuasakan, jumlah pinjaman yang boleh diperolehi dari dalam negeri dihadkan sebanyak \$300 juta sahaja. Had ini kemudiannya telah dinaikkan kepada \$2,200 juta, \$3,700 juta dan \$7,200 juta pada tahun-tahun 1966, 1969 dan 1971 untuk memenuhi perbelanjaan pembangunan yang kian bertambah.

Pada akhir tahun 1975 adalah dianggarkan jumlah pinjaman-pinjaman dalam negeri yang diperolehi di bawah undang-undang ini akan meningkat menjadi \$7,046 juta meninggalkan baki sebanyak \$154 juta sahaja sebelum had berkanun yang ada sekarang dicapai.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga sedia maklum, pinjaman Kerajaan untuk membiayai rancangan-rancangan pembangunan adalah perlu jika kita ingin melaksanakan dasar mempercepatkan pembangunan ekonomi negara ini. Pinjaman-pinjaman ini adalah untuk membiayai kes projek pembangunan dan bukan untuk belanja mengurus. Adalah dianggarkan bahawa keperluan kewangan bagi Rancangan Pembangunan Malaysia Ketiga, yang merumuskan rancangan-rancangan dan dasar-dasar pembangunan Kerajaan untuk jangka masa dari tahun 1976 hingga tahun 1980 berkehendakkan usaha pembiayaan kewangan dari pinjaman dalam negeri dan luar negeri dengan lebih banyak lagi. Walaupun Rancangan Pembangunan Malaysia Ketiga hanya akan

dibentangkan di Dewan ini pada awal tahun hadapan, adalah perlu pada peringkat ini untuk meninggikan had berkanun Ordinan Pinjaman (Tempatan) 1959 sebelum pinjaman-pinjaman yang sebenarnya diperolehi untuk membiayai Rancangan tersebut.

Dalam hal yang demikian, adalah dicadangkan bahawa had berkanun tersebut dinaikkan kepada \$15,000 juta. Saya suka memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang rancangan pinjaman yang bertambah ini tidak patut menimbulkan kebimbangan kerana Perbendaharaan sentiasa menjaga keadaan hutang negara untuk memastikan bahawa kedudukan pembayaran hutang tersebut dapat dikawal. Perbendaharaan akan terus bertindak dengan berhati-hati mengenai perkara ini. Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan Tabung Kewangan Antarabangsa telah memperakui bahawa jumlah pinjaman dari dalam dan luar negeri kita pada setakat ini masih rendah dan selamat berdasarkan kepada asas ekonomi dan keupayaan perkembangan serta kekuatan ekonomi kita.

Supaya projek-projek pembangunan kita tidak dihadkan oleh kerana kekurangan wang, Rang Undang-undang ini dibentangkan untuk mendapat persetujuan Dewan supaya had pinjaman tempatan yang ada sekarang yang dibenarkan di bawah Ordinan Pinjaman (Tempatan) 1959 dinaikkan daripada \$7,200 juta kepada \$15,000 juta. Rancangan pinjaman yang sebenarnya hanya akan dijalankan mengikut keperluan-keperluan kita dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.59 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini saya suka mengambil bahagian sedikit iaitu mengenai pindaan daripada \$7,200 juta kepada \$15,000 juta bagi penggunaan projek pembangunan Rancangan Malaysia Ketiga.

Hanya satu perkara yang saya suka ingatkan bahawa pada pandangan saya di dalam memajukan ataupun menjalankan projek Rancangan Malaysia Kedua umpamanya, maka saya nampak banyak di antara projek-projek yang tidak begitu menguntungkan dan projek-projek yang seumpama ini, saya berharap di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini tidak akan dilaksanakan sebab memandangkan kepada pinjaman yang begini banyak yang akan diluluskan mungkin menjadi satu bebanan kepada Kerajaan untuk menanggungnya dan untuk membayar bunganya. Jadi kalaulah peruntukan-peruntukan wang ini tidak diletakkan ataupun tidak digunakan kepada tempat yang benar-benar menguntungkan, kepada tempat yang benar-benar tidak membazir, maka sudah tentulah pinjaman yang akan dilakukan oleh Pihak Kerajaan kita ini akan merugikan Kerajaan, merugikan rakyat jelata sebab rakyat keseluruhannya tentulah menggantungkan harapan kepada Kerajaan lebih-lebih lagi apa yang tidak terlaksana ataupun tidak sempurna dilaksanakan pada projek Rancangan Malaysia Kedua ini, maka pengantungan harapannya itu akan digantungkan harapannya kepada projek Rancangan Malaysia Ketiga yang akan datang ini.

Jadi, sudah tentulah pinjaman ataupun wang yang akan dipinjam ini akan digunakan kepada projek-projek yang lebih menguntungkan rakyat khususnya saya katakan letakkanlah wang yang dipinjamkan ini kepada projek-projek yang boleh membawa pendapatan rakyat, yang boleh menambahkan kesenangan rakyat khususnya di luar-luar bandar. Saya harap benar-benar bahawa wang yang akan dipinjamkan ini lebih ditumpukan banyak kepada projek-projek pembangunan di luar bandar. Hingga hari ini kita masih dengar di mana-mana bahawa projek yang dijanjikan pada masa bukan sahaja dalam pilihanraya baharu ini umpamanya pada pilihanraya dahulu yang dijanjikan atau sebelum pilihanraya dahulu sehingga sekarang ini pun masih banyak yang belum dilaksanakan dan belum ditunaikan. Umpamanya jalan-jalan di kampung, jalan-jalan di luar bandar, kita selalu terbaca di dalam akhbar-akhbar, selalu kita lihat gambarnya sekali di dalam akhbar-akhbar yang menunjukkan bahawa rakyat masih berjalan di jalan yang belum dibaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengharapkan bahawa kegunaan wang yang akan digunakan atau dipinjam ini akan digunakan di tempat-tempat ataupun bagi kegunaan-kegunaan yang benar-benar menguntungkan rakyat, yang benar-benar dapat menolong rakyat bagi menambahkan pendapatan rakyat jelata khususnya rakyat di luar bandar.

4.02 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sedikit ulasan atas Akta ini. Sungguhpun kami tidak menentang tujuan peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini, akan tetapi kami berharap bahawa perbelanjaan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga akan digunakan mengikut keutamaan, kehendak-kehendak dan aspirasi-aspirasi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan patut mengadakan priority yang betul apabila menggunakan perbelanjaan umum untuk membiayai projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Kerajaan selalu menegaskan bahawa Rancangan Malaysia Ketiga bertujuan menghapuskan kemiskinan. Oleh yang demikian, adalah perlu dan mustahak bagi Kerajaan menentukan objektif itu dapat dicapai. Dalam pandangan kami samada Kerajaan menjayakan usaha-usahanya untuk membasmi kemiskinan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga akan bergantung kepada cara-cara atau bagaimana perbelanjaan pembangunan rancangan tersebut akan digunakan dan samada perbelanjaan tersebut digunakan mengikut priority kehendak rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pandangan kami projek-projek yang bermaksud meninggikan taraf hidup golongan yang tidak berada dalam semua kaum dan juga usaha-usaha untuk memperuntukkan perlindungan yang sempurna patut diberi keutamaan yang puncak di bawah rancangan ini. Dalam konteks ini perumahan dan kampung-kampung baru termasuk luar bandar harus diberi perhatian yang berat oleh Kerajaan. Perbelanjaan yang cukup hendaklah diperuntukkan juga untuk penyelidikan sosial ekonomi supaya satu-satu analisa yang lengkap dan sempurna dapat dijalankan ke atas banyak masalah sosial ekonomi yang dihadapi oleh negara kita. Lebih banyak

rancangan sosial ekonomi hendaklah dilancarkan untuk mengatasi masalah sosial ekonomi tersebut. Perkhidmatan kebajikan bagi golongan yang miskin dan tidak berada termasuklah orang-orang tua patut juga ditambah dan diperbaiki. Dan ini juga hendaklah dianggap sebagai satu priority di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, merancang mengikut keutamaan adalah paling mustahak sekiranya kita hendak menentukan bahawa Rancangan Malaysia Ketiga akan berjaya membasmi kemiskinan yang telah menjadi satu masalah terbesar di negara kita. Adalah perlu diingat bahawa perbelanjaan pembangunan yang besar sekali yang dikehendaki membiayai projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga hanya akan dibelanjakan dengan mendatangkan faedah-faedah sekiranya kita dapat mencapai tujuan untuk mengatasi masalah sosial ekonomi terpenting yang dihadapi oleh rakyat.

Akhirnya dalam analisa yang akhir samada kita dapat menghidupkan keamanan dan kesetabilan akan bergantung kepada bagaimana kita menghubungi masalah sosial ekonomi yang asas mengancam kehidupan rakyat.

4.08 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong dengan sepenuhnya satu Akta meminda Undang-undang Pinjaman Tempatan yang mana saya berpendapat Kerajaan kita sungguh berwaspada untuk membuat satu-satu undang-undang. Sebab saya katakan begitu, Tuan Yang di-Pertua, meminda Undang-undang Pinjaman (Tempatan) Tahun 1959 kalau tidak silap saya berjumlah \$15,000 juta, sedangkan rancangan pembangunan kita 15 tahun yang lepas dengan tahun yang ada pada hari ini perbezaannya amat jauh. Jadi pindaan yang diminta oleh Kementerian atau Rang Undang-undang tersebut kalau dipandang lebih daripada setengah adalah berpatutan dan perkara ini sangat menggalakkan. Saya berpendapat bukan sekadar \$15,000 juta bahkan lebih daripada ini pun memang patut dengan keadaan zaman yang telah berubah dan segala-galanya telah naik.

Tuan Yang di-Pertua, kita sama-sama tahu di dalam Dewan ini tidak ada lain yang kita bincang, tiap-tiap Wakil Rakyat baik Wakil Rakyat mana pun merayu atau mendesak Kerajaan membuat itu dan ini dan tidak ada lain dijawab oleh Kementerian Kewangan tidak cukup wang, inilah masalah kita sama-sama hadapi. Dengan sebab itu, apa yang diminta oleh Rang Undang-undang ini saya adalah menyokong di samping saya berharap sebagaimana yang dikatakan oleh saudara-saudara saya yang lain tadi, apa-apa yang kita telah lakukan agak begitu tidak teratur supaya kita amati lagi, kadang-kadang sebagai manusia baik pun cara perseorangan apatah lagi Kerajaan silap dan salah ini kita tidak nafikan. Tetapi saya mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana memandangkan Kerajaan kita hari ini walaupun ia telah membuat pinjaman-pinjaman, ada juga dituduh oleh orang-orang yang tidak bersetuju dengan Kerajaan tetapi boleh kita katakan segala rancangan-rancangan yang kita buat hari ini boleh dikatakan 80% yang berjaya baik pun cara pinjaman ataupun wang kita sendiri. Dengan sebab itulah saya sokong sangat Rang Undang-undang ini dan saya harap sebagaimana saya katakan tadi segala projek-projek yang masih terbengkalai kalau terpaksa dipinjam pun projek itu mestilah dilaksanakan juga, kerana saya dapati jarang projek-projek yang Kerajaan laksanakan tidak mendatangkan keuntungan di sebaliknya. Seperti yang telah saya cakapkan dalam Dewan ini samada kita buat letrik misalnya, kita mendapat hasil walaupun tidak dengan 100%. Begitu juga kita buat jalanraya. Kita mendapat cukai yang banyak daripada kereta-kereta. Pendek kata, segala pembinaan yang kita buat baik cara besar ataupun kecil itu akan memberi faedah kepada kita balik. Kalaulah kita tidak mempunyai wang yang cukup, benda ini kita tidak dapat buat, jadi masa dan zaman yang kita telah merdeka lebih daripada 18 tahun

Tuan Azahari bin Md. Taib: Ahli Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat tumpukan dalam masalah yang kita bahaskan ini sahaja iaitu Undang-undang ini adalah hendak menambahkan maksima pinjaman tempatan. Harus kita tumpukan ke situ bukan pelaksanaan luar bandar dan sebagainya. Sila sambung.

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berpendapat dengan menambahkan maksima pinjaman untuk Rancangan Malaysia Ketiga termasuklah luar bandar. Rengkasnya saya berharaplah segala pinjaman-pinjaman yang telah ditetapkan oleh Kerajaan yang akan ditambahkan itu akan menjadi hasil atau faedah yang besar dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang mana termasuk luar bandar. Apa-apa benda yang kita dapati tidak begitu baik seperti penyelewengan yang saya katakan tadi, bukanlah sahaja Kerajaan bahkan kadang-kadang perseorangan pun kita biasa tersilap. Ini langkah bagi membetulkan wang ini supaya dapat kita laksanakan dengan sebaiknya demi kebaikan negara kita Malaysia samada dalam bandar ataupun di luar bandar.

4.11 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Ordinan Pinjaman Tempatan ini dengan tujuan untuk melaksanakan pembangunan membiayai perbelanjaan pembangunan bagi Rancangan Malaysia Ketiga.

Dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin menyatakan yakni supaya dapat ditumpukan pembangunan yang benar-benar memberi faedah atau menambahkan pendapatan kepada penduduk-penduduk kita seluruh negara yang mana seruan-seruan daripada pihak pemerintah biasanya menggalakkan rakyat menambahkan hasil pertanian. Sambutan daripada petani-petani adalah lebih menggalakkan tetapi usaha yang dibuat, bentuk yang dibuat atau rancangan yang dibuat adalah merupakan rancangan yang telah ditinggalkan oleh zaman penjajahan dahulu dan tidak ada pembaikan dari masa kesemasa. Jadi garis-garis kasar yang boleh kita tumpukan supaya semua tempat-tempat usaha pertanian dapat diadakan bekalan dengan sebaiknya kalau di sawah padi misalnya dapat cukup bekalan air dengan taliair yang memuaskan. Dengan cara ini sahajalah saya rasa petani-petani boleh dapat mengeluarkan hasil dengan baik. Bila sudah ada hasil yang baik tentulah mereka ini memerlukan jalan atau lorong-lorong yang memudahkan mereka membawa keluar setiap hasil pengeluarannya itu ditingkatkan harga yang lebih lagi daripada yang ada sekarang.

Seperti yang kita maklum, bahawa dahulu harga buah-buahan sebelum ada jalanraya begitu murah, tetapi dengan adanya jalanraya sedikit-sedikit di luar bandar harganya telah meningkat empat hingga lima kali ganda daripada masa yang lalu. Jadi dengan cara inilah jalan-jalan ini dapat dibaiki dari semasa kesemasa. Begitu juga mana-mana jalan yang memerlukan jambatan menggunakan kayu, tukarkan kayu itu. Gunakan culvert yang kuat, biar kata orang alah membeli, sekali sahaja beli begitu kukuh dan kuat tidak seperti masa yang sudah-sudah gunakan jambatan kayu dan tiga tahun sudah hendak ganti baru. Belum lagi siap di kampung A, kampung B sudah hendak minta, kampung C sudah roboh. Perbelanjaan yang semacam ini, saya rasa seolah-olah merugikan. Jadi, biar kita rugi pada satu tempat, siap setempat dan boleh digunakan selama-lamanya. Jadi, bila ada jalan hasil pertanian naik, penduduk-penduduk pula biasanya tentulah hendak mendapatkan kesihatan yang baik. Biasanya petani-petani luar bandar ini menggunakan racun serangga untuk meracun musuh-musuh tanaman supaya mendapatkan hasil yang baik, tentulah tempat yang mereka diami ini kebanyakannya dengan meminum air yang bercampur dengan bahan-bahan kimia. Jadi, dengan tidak secara langsung menjadi kan keadaan mereka itu boleh senang dapat penyakit dan sebagainya. Jadi, perlulah bekalan air ini diutamakan dan dibaiki lagi

Tuan Azahari bin Md. Taib: Ahli Yang Berhormat jangan melencung jauh sangat. Masalah ini ialah masalah menaikkan maksima pinjaman dalam negeri. Kalau sekiranya Yang Berhormat hendak memberi contoh, boleh tetapi jangan jadikan soal pokok melencung kepada subject lain. Sila.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh tentang pembangunan yang patut dibaiki dari masa ke semasa. Seperti yang saya contohkan tadi dengan cara tidak langsung kemudahan-kemudahan pembangunan dapat ditingkatkan dari semasa kesemasa supaya tidak ada ungkitan daripada penduduk-penduduk luar bandar bahawa mereka ini ditinggalkan begitu sahaja. Bahkan ada tempat-tempat yang perlu dibaiki dan ditambah dari masa ke

semasa untuk membolehkan mereka ini mendapat kesihatan atau pelajaran dengan baik tidaklah seperti masa yang lalu.

Jadi, saya tegaskan permohonan untuk menambah pinjaman ini pada pandangan saya tidaklah cukup tetapi oleh kerana pihak yang berkenaan telah menyatakan dengan kadar yang diminta ini boleh menampung membiayai pembangunan bagi Rancangan Malaysia Ketiga, jadi saya rasa tentulah pada masa akan datang pihak Kementerian berkenaan akan mendapat tuntutan tambahan yang kemudiannya. Saya sekali lagi menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian berkenaan.

4.16 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh Akta yang dinamakan Akta Pinjaman (Tempatan), 1975.

Daripada pinjaman yang biasa dibuat \$7,200 juta akan menjadi \$15,000 juta. Apabila sahaja kita dengar \$7,200 juta akan menjadi \$15,000 juta, ini satu angka yang besar yang akan dipinjam oleh Kerajaan untuk menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga. Saya menyokong penuh diatas pinjaman ini kerana saya tahu bagaimana hasrat Kerajaan hendak menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga yang sedang ditentukan oleh pihak Kerajaan.

Sepertimana juga Rancangan Malaysia Pertama, mungkin ada diantaranya ketinggalan dan terpaksa dibawa ke Rancangan Malaysia Kedua. Saya percaya banyak lagi rancangan di dalam Rancangan Malaysia Kedua masih ada ketinggalan yang terpaksa pula dibawa ke Rancangan Malaysia Ketiga.

Dengan adanya pinjaman yang sebanyak \$15,000 juta saya yakin kepada Kerajaan tidak akan lagi pada masa yang akan datang sepertimana juga Rancangan Malaysia Pertama, Rancangan Malaysia Kedua misalnya, tidak dapat menjayakan sepenuhnya kehendak-kehendak yang telah ditentukan. Saya harap dengan pinjaman yang dibuat ini akan berhasillah Rancangan Malaysia Ketiga dan tidak pula perkara-perkara seperti Rancangan-rancangan yang dibuat dalam Rancangan Malaysia Ketiga terpaksa dibawa ke Rancangan Malaysia Keempat.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya sendiri, sebuah bangunan Balai Polis yang bermodal kalau tidak silap saya tidak pun sampai \$100,000. Bangunan ini telah dibuat begitu lama tetapi hanya separuh sahaja bangunan itu siap sehingga sekarang bangunan itu terbengkalai tidak dapat dibuat lagi dengan sebab-sebab tertentu. Ini ertinya rancangan yang dibuat di tempat itu terpaksa pula dimasukkan ke Rancangan Malaysia Ketiga dan mungkin kerana terbengkalai ini terpaksa pula mengambil wang daripada lain-lain rancangan dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk membangun semula Balai Polis itu. Ini sebagai satu contoh. Ada lagi satu contoh, di kawasan saya bangunan sekolah yang patut dibuat di dalam Rancangan Malaysia Kedua tidak dapat dibuat dan terpaksa ditunda kepada Rancangan Malaysia Ketiga. Ini saya yakin daripada sebabnya kewangan Kerajaan tidak mencukupi. Kerana keyakinan seperti inilah maka saya bersetuju supaya \$15,000 juta ini diberi atau dipersetujui kepada pinjaman Kerajaan.

Saya beri contoh lagi, iaitu ada sebuah sungai yang menyebabkan banjir di kawasan saya sendiri, modalnya terpaksa dikeluarkan oleh Kerajaan sebanyak \$1.75 juta tidak dapat lagi dibuat dalam Rancangan Malaysia Kedua, dan ini menyebabkan rakyat di kawasan itu menderita. Saya berharap dengan pinjaman yang dibuat sebanyak \$15,000 juta ini akan dibuat dan dikoreklah semula sungai ini yang mana menyebabkan tanaman dan sebagainya di kiri kanan menjadikan kerugian kepada rakyat. Sungai tersebut ialah Sungai Nyior di dalam daerah Larut dan Matang, dan Balai Polis yang saya katakan tadi ialah Balai Polis Changkat Jering di dalam kawasan Matang juga.

Tuan Yang di-Pertua, satu contoh lagi ialah berkenaan dengan jalan raya di antara batu 8½ sehingga 10½ daripada Matang ke Port Weld kalau tidak silap saya perbelanjaan yang telah diuntukkan oleh Jabatan Kerja Raya ialah sebanyak \$500,000. Jalan raya ini sebagaimana yang telah saya ceritakan di dalam Dewan ini bagaimana sedihnya yang menyebabkan tiap-tiap bulan selama 10 hari kanak-kanak sekolah terpaksa menderita ketika hendak pergi ke sekolah kerana air pasang

berada di atas jalan raya ini. Tetapi sehingga saat ini daripada Rancangan Malaysia Pertama sehingga Rancangan Malaysia Kedua tidak juga dibina jalan raya yang baru. Saya harap dengan pinjaman yang dibuat begitu banyak jalan raya daripada Matang ke Port Weld dari batu 8½ ke 10½ itu mendapat perhatian Kerajaan dengan modal \$500,000. Ini satu permintaan saya. Saya mengalu-alukan kepada Kerajaan yang berhasrat benar supaya Rancangan Malaysia Ketiga ini sebagaimana yang dicadangkan banyak kawasan-kawasan baru hendak dibuka dan bandar-bandar baru yang dicadangkan oleh Kerajaan hendak didirikan di kawasan-kawasan tertentu di dalam negara kita. Sebagaimana kita maklum Lebuhraya di antara Perak ke Kelantan mungkin tidak berapa lama lagi akan siap dan mungkin ada sesuatu yang baik di jalan raya ini pada suatu masa kelak. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa di kawasan ini di suatu masa kelak akan menjadi satu kawasan yang maju di utara negara kita.

Selain daripada itu, saya percaya pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah membuat berbagai-bagai rancangan untuk memajukan sebagaimana kata sahabat-sahabat saya tadi dalam bahagian pertanian dan sebagainya. Saya yakin Kerajaan dengan adanya pinjaman sebanyak \$15,000 juta yang kita akan persetujui di dalam Dewan ini tidak pula di suatu masa nanti menyebabkan Kerajaan terpaksa menaikkan cukai kepada rakyat yang miskin yang tidak mampu lebih daripada keadaan yang ada sekarang. Saya harap keadaan cukai ini tidak menyebabkan pula pinjaman yang diperuntukan di dalam Dewan ini pada masa yang akan datang dengan peruntukan \$15,000 juta yang di-untukkan selama lima tahun dan mungkin selama lima tahun mengikut keadaan negara di dalam dunia ini, misalnya keadaan inflasi.

Sebagai satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya satu kawasan yang telah ditentukan oleh L.L.N. untuk memasang projek letrik di kawasan itu yang bermodal lebih kurang \$186,000 sepatutnya projek letrik ini dibuat pada awal tahun 1975

Tuan Azahari bin Md. Taib: Saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat di atas tajuk perbincangan kita iaitu penambahan maksima pinjaman. Sila teruskan.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya memberi contoh oleh kerana kewangan sebanyak \$186,000 ini tidak dapat dibuat pada saat ini bukan sebab apa-apa, kerana harga barang naik sebanyak 10% daripada yang ada dan terpaksa diminta lagi sebanyak \$18,600 oleh sebab itu rancangan ini gagal dan tidak dapat dibuat pada tahun ini dan akan dibuat pada Rancangan Malaysia Ketiga. Dan sebagai satu contoh saya sebutkan \$15,000 juta yang dipinjam oleh Kerajaan dan ini mungkin di satu masa juga akan naik daripada setahun ke setahun, kalau saya kata 10% tadi, mungkin pada masa yang akan datang lebih daripada itu terpaksa dibelanjakan oleh Kerajaan.

Saya sekali lagi menyokong pindaan ini dan saya menyokong pinjaman serta saya berharap Rancangan Malaysia Ketiga akan berhasil.

4.28 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus, Kuala Lumpur Bandar, Kangar, Hilir Perak, Matang telah membangkitkan soal berkaitan dengan projek-projek yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, samada projek-projek ini akan membazirkan wang atau tidak ialah satu masalah yang dihadapi oleh Perbendaharaan dan juga Yunit Perancang Ekonomi. Oleh kerana tujuan Kerajaan ialah untuk mengadakan projek-projek yang boleh ditaksirkan dan dianggarkan sebagai viable sahaja sebelum kita membiayai projek-projek tersebut.

Memanglah menjadi tujuan Kerajaan supaya mengadakan projek-projek infrastruktur khususnya di luar bandar supaya penduduk-penduduk di luar bandar boleh mendapat sedikit-sebanyak kemudahan-kemudahan seperti jalan-jalan, bekalan air, elektrik dan sebagainya. Tetapi ada juga masalah berkaitan dengan perkara ini oleh kerana ada separuh projek yang tertentu yang bergantung dengan kemampuan Kerajaan Negeri masing-masing untuk melaksanakan projek-projek itu. Dan oleh kerana ini saya tindaklah dapat peluang di sini untuk memberikan satu jawapan yang tertentu di

atas pandangan-pandangan khasnya teguran Ahli Yang Berhormat dari Matang berkaitan dengan beberapa projek di kawasan beliau. Boleh jadi projek itu ialah yang dipertanggungjawab kepada Kerajaan Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus juga memberi syor-syor dan nasihat kepada Kerajaan supaya wang yang akan dipinjamkan itu tidak digunakan untuk projek-projek yang akan membazirkan wang. Saya bersetuju sangat dengan pandangannya itu oleh kerana kita mesti menjaga supaya wang yang akan dipinjam oleh Kerajaan ini akan dibayar balik dengan faedah dan bunganya, dan ini ialah satu kes atau beban yang Kerajaan boleh jejakkan dengan projek-projek yang viable.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah meminta supaya kita mengkaji dan mengambil berat tentang apa yang beliau sebutkan sebagai socio-ekonomi. Memang tujuan Kerajaan seperti yang kita buat dalam Laporan Perbendaharaan dalam tahun ini ialah supaya mutu dan taraf kehidupan rakyat khususnya orang yang duduk di luar bandar dinaikkan dan dengan tujuan supaya Kerajaan dapat memberi sedikit sebanyak pertolongan kepada mereka untuk melaksanakan projek-projek dan sebagainya. Pada dasarnya saya hendak tegaskan di sini bahawa walaupun pihak Perbendaharaan meminta Dewan ini supaya meluluskan Rang Undang-undang ini supaya had berkanun pinjaman tempatan boleh dinaikkan kepada \$15,000 juta. Samada Kerajaan akan meminjam sehingga \$15,000 juta ataupun tidak adalah terpulanglah kepada projek-projek yang berguna dan akan memberi keuntungan kepada rakyat Malaysia.

Saya memberikan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan kepada cadangan ini supaya had berkanun itu dinaikkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG WASIAT (PINDAAN)

4.30 *ptg.*

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Ordinan Wasiat, 1959" dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini yang dibentangkan dalam Majlis ini, ialah untuk mengurangkan umur dewasa daripada dua puluh satu tahun sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen 4 Ordinan Wasiat kepada lapan belas tahun bagi maksud amanah-amanah dan harta-pesaka dan perkara-perkara yang berhubung dengannya dan dengan demikian ini menjadikan Ordinan Wasiat selaras dengan Ordinan Pemegang Amanah, 1949 dan Akta Probet dan Pentadbiran, 1959 yang mana dengan cara pindaan telah meninggalkan takrif "minor" daripadanya.

Pindaan ini juga akan menepati Akta Umur Dewasa, 1971. Seksyen 2 Akta itu memperuntukkan umur dewasa bagi lelaki dan perempuan ialah lapan belas tahun dan oleh yang demikian itu tiap-tiap seseorang lelaki dan perempuan apabila mencapai umur itu hendaklah dikira sebagai telah mencapai umur dewasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.34 *ptg.*

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, saya hanya suka menyebut satu perkara sahaja dalam Rang Undang-undang ini iaitu dengan pindaan Akta ini walaupun Akta ini bertujuan

untuk wasiat sahaja, tetapi saya mengharapkan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dengan pindaan Rang Undang-undang ini daripada 21 tahun kepada 18 tahun ini dianggapkan bagi semua sekali peraturan-peraturan yang dibuat di dalam negara kita ini termasuklah sama umurnya yang dianggap layak mengundi umpamanya. Kalau di sini daripada 21 tahun kepada 18 tahun dianggapkan sebagai umur yang dewasa, maka saya rasa tidak apa salahnya kalau daripada umur 21 tahun yang dianggap dewasa sebagai seorang rakyat dalam negeri ini boleh mengundi kepada 18 tahun dianggapkan dewasa juga diberi hak kepada peraturan-peraturan lain seperti peraturan hak mengundi umpamanya.

Saya rasa kalau pihak Kerajaan sendiri di sini boleh menganggapkan seseorang rakyat di dalam negara kita ini baik lelaki atau perempuan apabila sudah meningkat 18 tahun ini boleh dianggap sudah dewasa, maka saya rasa tidak menjadi apa-apa halangan bagi Kerajaan kita untuk menganggap dewasa juga bagi rakyat di dalam negeri ini berhak mengundi apabila umurnya sudah sampai 18 tahun baik lelaki atau perempuan.

3.35 *ptg.*

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih tentang sokongan itu tetapi cadangan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus itu bukanlah tanggungjawab Kementerian saya, iaitu Kerajaan.

Satu polisi yang amat besar yang berkehendakkan perubahan atau pindaan kepada Perlembagaan dan perkara ini kalau saya tidak salah sudah banyak kali dibawa di sini dan telah ditolak oleh Kerajaan yang memikirkan hak mengundi itu masih tinggal 21 tahun dan tidak sekali-kali Kerajaan atau polisi Kerajaan yang memerintah pada hari ini hendak mengubahnya. Sebab kalau hendak diubah itu banyak benda lain yang hendak dipinda 18 tahun, kerana kalau perubahan itu dibuat kepada 18 tahun, Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat inipun hendaklah berumur 18 tahun sudah dewasa katanya, atau apa pula kata Ahli Dewan Negara daripada 31 tahun, hendak diturunkan kepada 21 tahun pula, jadi banyak perkara-perkara semacam itu akan timbul. Perkara itu pada

fikiran saya bukanlah tanggungjawab Kementerian saya dan saya akan sampaikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cadangan Ahli Yang Berhormat itu tetapi saya percaya ianya tidak akan diterima.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperentahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN) (No. 3)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.39 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang berama "Suatu Akta bagi meminda Ordinan Dadah Berbahaya, 1952" dibaca bagi kali yang kedua.

Dalam Ordinan Dadah Berbahaya, 1952 ada terdapat peruntukan mengenai kesalahan memiliki ganja atau candu tetapi tidak ada peruntukan mengenai kesalahan menanam pokok-pokok ganja atau candu. Rang Undang-undang pindaan ini memasukkan peruntukan baru itu.

Di antara dadah-dadah berbahaya yang banyak sekali disalahgunakan oleh penagih-penagih dadah ialah heroin dan hukuman yang berat telah diadakan dalam Rang Undang-undang atas penyeludupan, pengedaran dan penghisapan dadah berbahaya itu. Sungguhpun demikian, ganja tidak kurang luas merbahayanya dari heroin di kalangan penagih-penagih. Sungguhpun ganja kurang sedikit merbahayanya daripada heroin, tetapi dadah itu ada mengandungi bahan-bahan yang boleh merosakkan anggota manusia dan otak fikirannya.

Pendapat dari Pakar-pakar Penyelidikan Tempatan dan Antara Bangsa menunjukkan tanda-tanda orang-orang yang menghisap heroin itu asal permulaannya menghisap ganja. Selepas menghisap ganja beberapa kali dan apabila merasai tidak puas dengan "nikmat" penghisapan itu maka beralihlah pula mereka itu dengan dadah yang lebih keras dan lebih merbahaya daripada heroin dan lebih nikmat.

Maka di sini nampaklah merbahaya ganja ini di sini dadah-dadah merbahaya yang lain. Sungguhpun sebagai jenis dadah, merbahayanya kurang tetapi ganja boleh dikatakan permulaan seseorang menjadi penagih dadah merbahaya yang lain misalnya kadang-kadang minum beer akhirnya kepada whisky dan brandy. Dengan sebab itulah Kerajaan memandang berat atas pengedaran dan penjualan ganja oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan yang menyebabkan ramai pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi di negeri ini menjadi penagih-penagih ganja.

Seperkara lagi yang mustahak diingatkan ialah, berbeza dengan heroin yang kebanyakan bekalan itu datang dari luar negeri, tetapi sebahagian besar dari ganja yang digunakan dalam negeri ini datangnya daripada dalam negeri kita.

Beberapa tempat dalam Negeri Johor telah dikenali sebagai tempat-tempat menanam pokok-pokok ganja. Dan baru-baru ini tempat-tempat menanam ganja telah juga dijumpai dalam Negeri Perak. Sungguhpun pihak-pihak Penguatkuasaan Undang-undang iaitu Polis-polis, Kastam dan Biro Narkotik telah dapat mengesan dan memusnahkan kebanyakan daripada ladang-ladang ganja itu, tetapi bekalannya belum lagi nampak berkurangan. Keadaan ini dapat dibuktikan dari angka-angka rampasan ganja dan pokok-pokok ganja yang bertambah dari setahun ke setahun seperti yang saya sebutkan sekarang.

	Ganja	Pokok Ganja
1971	8,440 lbs.	10,190
1972	2,825 ..	5,620
1973	2,215 ..	47,400
1974	870 ..	5,140
$\frac{1}{2}$ tahun 1975	713 ..	9,690

Dalam tahun 1973, tahun yang pertama Biro Narkotik ditubuhkan dan mulai bergerak, sungguhpun jumlah ganja kering yang dirampas berkurangan dari tahun 1971 dan

1972 tetapi jumlah pokok ganja yang dimusnahkan telah meningkat lebih daripada empat kali ganda dari tahun 1971. Dalam tahun 1974 rampasan ganja kering dan pokok ganja telah nampak berkurangan tetapi dalam tahun 1975 ini rampasan ganja kering dan pokok ganja untuk $\frac{1}{2}$ tahun telah hampir sama banyak dengan rampasan tahun 1974. Kita semua ketahui kebanyakan bekalan ganja ini datang daripada ladang-ladang ganja yang ada dalam negeri ini. Untuk menghapuskan atau sekurang-kurangnya mengurangkan bekalan itu maka mustahaklah tindakan diambil dari punca bekalan tersebut iaitu dari tempat-tempat tanamannya dan hukuman yang berat patutlah dikenakan ke atas mereka yang menanam kerana mereka itulah punca mengeluarkan dan membolehkan dadah-dadah itu diedarkan kepada penagih-penagih di negeri kita. Kurang ertinya jika diadakan hukuman ke atas pengedar-pengedar dan penghisap-penghisap ganja sahaja tetapi tidak diadakan hukuman ke atas mereka yang menanam. Dengan kesedaran inilah Kerajaan telah mengambil keputusan supaya orang-orang yang didapati salah menanam pokok ganja diberi hukuman dengan seberapa beratnya. Dalam pindaan undang-undang yang dibentangkan hari ini hukuman yang dicadangkan ialah penjara seumur hidup dan juga sebat dengan rotan tidak kurang daripada enam kali.

Undang-undang yang dicadangkan di atas perkara ini meliputi tuan-tuan punya tanah yang mengizinkan tanahnya diguna untuk menanam pokok-pokok ganja atau membiarkan pokok-pokok ganja ditanam atas tanahnya, dan mereka tahu pula pokok-pokok ganja itu ditanam di atas tanahnya melainkan tuan punya tanah boleh mengesyahkan bahawa penanaman ganja itu dilakukan dengan tidak ada kebenaran atau pengetahuannya tuan tanah itu.

Tujuan undang-undang ini supaya semua rakyat jelata dalam negeri ini menerima tanggungjawab untuk mengelakkan dadah yang merbahaya ini iaitu gejala daripada bertambah merbahaya terbit dari bekalan-bekalan dalam negeri kita. Rakyat di negeri ini hendaklah memberi kerjasama kepada Kerajaan dalam usaha mengurangkan bekalan ganja dan dengan itu mengurangkan mereka yang menjadi penagih ganja. Satu daripada cara mencapai matlamat ini ialah dengan mengadakan undang-undang terhadap

orang-orang yang menanam ganja dan tuan-tuan punya tanah yang tahu ganja itu ditanam, hendaklah dihukum.

Saya yakin dan percaya semua Ahli Yang Berhormat di Dewan ini akan menerima pindaan-pindaan undang-undang ini dengan memberi penuh sokongan supaya usaha kita untuk menyelamatkan masyarakat bangsa dan negara kita dapat diteruskan dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.46 ptg.

Tuan K. Pathmanaban (Telok Kemang): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang untuk meminda Ordinan Dadah Berbahaya yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Pindaan yang dibawa ini adalah satu lagi langkah untuk menutup kelonggaran (loop-hole) yang terdapat dalam undang-undang pada masa ini untuk mencegah pengeluaran, penjualan dan penggunaan dadah berbahaya. Hukuman yang dikenakan di atas sesiapa yang melanggar kehendak pindaan ini iaitu dikenakan hukuman penjara seumur hidup dan whipping adalah sangat-sangat dialu-alukan. Adalah diharapkan bahawa hukuman yang keras ini akan "discourage" mereka yang campurtangan dan mencari untung dalam mengeluarkan dan mengedarkan dadah berbahaya ini.

Dalam perkara ini saya ingin menegaskan bahawa mengadakan undang-undang sahaja tidak akan mengelakkan negara dan pemuda pemudi kita daripada pengaruh dadah berbahaya ini. Kita berkehendakan tenaga menguatkuasakan undang-undang, yang pada masa ini nampaknya jelas masih lemah dan masih menghadapi kekurangan kakitangan dan lain-lain, baik di pihak Kastam ataupun di pihak Polis. Walaupun Kerajaan mengambil berat pengaruh dadah berbahaya ini dan ibubapa memandang berat tentang kegunaan dadah berbahaya ini, saya terpaksa mengatakan di sini bahawa keteguhan pihak penguatkuasa masih lagi terdapat lemah dan pada pendapat rakyat am tidak cukup jujur.

(*Dengan izin*) There appears to be, at least the public believes, a weakness of will among our enforcement authorities, which only leaves the public at large to suspect or to question the integrity of sections of our enforcement authorities. How else, the public asks, can the distribution and consumption of dangerous drugs—from opium to heroin, morphine and so on—take place so openly and courageously right in the heart of our various cities? It does not need too much trouble for any interested observer or any person in Kuala Lumpur to locate and familiarise himself and, perhaps, even have access to these “drug houses” that are located in various parts of the city. Ask any office boy in the Telecommunications Department or the Railways or the Public Works Department or a taxi driver in Kuala Lumpur and he can tell you without batting an eyelid where these drug houses are.

In this light, Sir, if the Honourable Minister is to tell us today that we should, as responsible Members of this House and as responsible parents, report such knowledge to the Police Force or to the Customs, he is, I think, admitting to this House and to the nation at large the failure of our enforcement authorities to even hear about an evil which is common public knowledge in the main cities of our nation, despite the heightened sense of awareness among our public regarding the widespread abuse and the evil of drug addiction.

It might be suggested by the Honourable Minister to us that even if the Police or the Customs authorities know about these drug houses, these places are “under surveillance” in order to catch the “big fish”, i.e. the big bosses in the syndicates who handle the distribution of these drugs. May I, Sir, with respect suggest that this strategy of waiting for the big fish, who somehow always seem to avoid the net, is only leading more and more of our youths into the inescapable clutches of this widespread and pernicious habit of drug taking. With every passing day, more and more of our youngsters are falling prey to the attractive sales tactics and the sales campaign of these pushers. Many parents wait at home everyday in dread and anxiety as to whether their son is going to come home that night under the influence of some drug or other, pressed upon him by

various persons under all sorts of devious tactics, or whether he is going to come home at all that night. Many parents sit back and are stunned with horror as they see normally healthy and well adjusted children in their community roam the area at night stealing small articles, cassettes from motor cars and so on, for the purpose of buying their drug requirements for that night and these requirements seem to be so easily available around the street corners or in the various street stalls and coffee houses in this country.

Oleh kerana ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh-sungguh berharap pihak Polis dan Kastam akan menukar strategi mereka untuk menghapuskan pusat-pusat pengedar dadah berbahaya itu dengan menunggu-nunggu “big fish” yang mengedarkan dadah pada masa ini. Penukaran strategi ini saya harap akan dapat juga menjaga nama baik pihak penguatkuasa samada Polis atau Kastam yang sekarang ini diragukan tidak mempunyai keteguhan atau minat dalam perkara ini atau sudah jadi lemah oleh kerana sesuatu yang tidak diingini.

4.53 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak):

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang pindaan kepada Ordinan Dadah Berbahaya, 1972. Mengikut pandangan saya daripada butir-butir yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan berhubung dengan pemansuhan beberapa banyak pokok ganja dan mengikut pindaan undang-undang ini akan dikenakan hukuman penjara seumur hidup dan dirotan pula. Kebanyakan pokok ganja yang telah dimusnahkan itu adalah di tanah-tanah yang bukan dimiliki oleh orang perseorangan. Kebanyakannya adalah cara rompak hutan ataupun cara setinggal yakni hutan itu ditebang dan diteroka dengan cara bersembunyi-sembunyi kemudian ditanam dengan seberapa banyak yang boleh. Jadi di sini adalah jelas kepada kita bahawa pihak yang bertanggungjawab untuk mengawal, mengawasi tanah-tanah hutan ataupun pegawai-pegawai tanah berkenaan tidak sampai ke tempat-tempat yang berkenaan di mana hutan yang telah ditebang di mana tanah yang ditanam dengan ganja. Jadi inilah perkara yang saya rasa ada kaitan dengan Jabatan yang lain.

Kedua, tanah kepunyaan persendirian, katalah ada di antara Ahli-ahli Dewan Rakyat ini mempunyai satu kawasan tanah yang telah ditinggalkan dua tiga tahun dan Ahli atau pemilik itu tidak pernah pergi melihat tanah berkenaan, cuma diamanahkan sahaja kepada orang tempatan dan orang tempatan itu pun tidak pernah pergi melihat keadaan tanah berkenaan. Jadi bila sampai sahaja pegawai penguatkuasa bahagian Narkotik ini dijumpainya tanah berkenaan itu ada pokok ganja, bila disemak lot tanah itu maka terkenalah kepada kita. Jadi apakah pula reaksi undang-undang ini kerana ini akan mengakibatkan keseluruhannya akan mengenai kepada mereka yang memiliki tanah yang ada pokok ganja yang berkenaan? Jadi, saya rasa tentulah pihak Yang Berhormat Menteri dapat memikirkan pula bagaimana keadaan-keadaan ini boleh diatasi pula kerana tuan punya tanah tidak tahu menahu akan tanahnya yang ditanam ganja. Jadi saya rasa Rang Undang-undang ini adalah benar-benar merupakan satu daripada cara-cara untuk mencegah pembiakan atau meramaikan mereka yang menjadi penghisap dadah yang boleh merosakkan masyarakat dan negara. Jadi itulah sahaja pandangan saya yang dapat saya buat.

4.56 ptg.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah memberi sokongan kepada Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) yang dibentangkan oleh Menteri berkenaan dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kerana dengan adanya pindaan Undang-undang ini bagaimana yang terdapat dalam Fasal 2 menjadikan satu kesalahan kepada orang-orang yang memiliki benih-benih pokok yang didapati madat ataupun daun pukat jerami yang secara langsung atau tidak secara langsung. Dan Fasal 3 pula melarang menanam tanpa mendapat kebenaran.

Saya juga mencadangkan kepada Kementerian berkenaan supaya dapat membuat undang-undang mengenai tanah yang ditanami dengan pokok ganja tanpa kebenaran ini supaya dirampas. Dengan cara begini mungkin kita dapat lapuran yang akan diberitahu oleh orang-orang yang empunya tanah itu jika tanah mereka itu digunakan oleh orang lain yang menanam ganja kerana mereka bimbang tanah mereka nanti akan dirampas. Dengan adanya Akta yang di-

bentangkan oleh Kerajaan ini mungkin orang yang empunya tanah ini telah sama ber-subahat ataupun mendapat upah daripada orang yang menanam, kerana pada masa yang sudah pokok ganja telah ditanam boleh dikatakan beribu-ribu ekar di negara kita ini, khususnya di negeri Johor tetapi malangnya hari ini penanam yang mengusahakan pokok ganja tidak pernah dapat ditangkap dan dihukum, hanya pokok ganja sahaja yang dapat dikesan. Saya berharap supaya penyelidikan yang rapi dan tegas dapat dijalankan oleh pihak berkenaan dan bertanggungjawab supaya dapat diberkas atau orang-orang yang bersalah bersabit dengan penanaman pokok ganja itu dihukum dengan seberat-berat hukuman kerana dengan secara menjatuhkan hukuman yang berat itu sahaja sebaik-baik cara kita akan dapat mengurangkan daripada merebaknya penanaman ganja ini. Hukuman yang dikenakan mengikut undang-undang yang telah dibentangkan di Dewan pada masa yang telah lalu memang kena pada tempatnya.

Satu perkara lagi dengan adanya penyalahgunaan dadah yang berleluasa di dalam negara kita ini telah merosakkan dan meruntuhkan akhlak anak-anak dan orang-orang dewasa di negara kita ini biarpun anak-anak itu telah diberi pelajaran dan pengetahuan yang cukup dan juga diadakan dakwah dan berbagai cara untuk mengawal dirinya tetapi kadang-kadang sia-sia sahaja. Ini adalah berkehendakkan supaya ibu-bapa juga memberikan kerjasama untuk mengawal anak-anak mereka daripada menghisap dadah dan pihak yang berkenaan, umpamanya Imigeresen dan Polis juga hendaklah mengambil bahagian cergas lagi untuk menahan penyeludupan dadah yang dibawa ke dalam negara kita ini dan juga yang datang dari dalam negara kita sendiri. Kerana apa yang kita tahu dadah telah dapat dibawa oleh penyeludup-penyeludup dengan begitu mudah keluar negeri oleh apa yang dikatakan rakyat kita.

Hukuman gantung atau penjara seumur hidup kepada pengedar atau pedagang dadah telah kena pada tempatnya kerana dengan adanya hukuman dengan begitu rupa atau dengan begitu berat dapat mengurang dan menghapuskan langsung mereka yang memperdagangkan dadah berbahaya di negara kita ini ataupun yang menanamnya. Ini adalah menjadi harapan dengan adanya kuasa-kuasa yang telah dibentangkan di Dewan kita

ini. Selain daripada memberi hukuman yang berat kepada orang-orang yang memperdagangkan dadah adalah diharapkan juga supaya Kerajaan akan dapat mengenakan hukuman yang lebih berat lagi kepada orang-orang yang didapati menghisap dadah, kerana saya menaruh keyakinan dengan adanya Undang-undang yang berat yang dikenakan kepada antara kedua pihak, iaitu pihak yang mengedar dadah, pihak menghisap dan pihak yang menanam berulah dapat dilaksanakan Undang-undang yang dibentangkan di Dewan kita ini.

5.02 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong pindaan Rang Undang-undang yang saya bawa itu dan saya mengambil ingatan berkenaan dengan teguran-tegurannya tentang pelaksanaan kuatkuasa Undang-undang itu. Pihak yang berkuasa iaitu Polis, Kastam dan Biro Narkotik telah dengan sedaya-upayanya menjalankan tugas-tugasnya sebagaimana kenyataan angka-angka yang telah saya berikan dalam Majlis ini pada masa yang lepas tetapi oleh sebab banyaknya penghisap-penghisap dan pengedar-pengedar kecil di Wilayah Persekutuan khususnya di Semenanjung Malaysia ini maka bukan senang semua itu hendak dikawal, melainkan dapat kerjasama dan maklumat daripada orang ramai, kerana pihak Polis dan Kastam ada tanggungan lain yang amat berat.

Kalau ada misalnya seorang menalipon kerana nampak seorang atau 2-3 orang sedang menghisap dadah adalah dipandangkan kecil kalau dibandingkan pada masa itu ada jenayah-jenayah lain yang lebih besar. Walau bagaimanapun, saya mengambil perhatian dalam perkara ini dan saya cuba menambah bilangan pegawai-pegawai dalam Biro Narkotik yang saya sebutkan dahulu cuma pegawainya 12 orang dan pegawai bawahnya 12 orang, menjadikan jumlah semuanya 24 orang bagi seluruh Malaysia. Dari itu, mustahil dapat menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan.

Berkenaan dengan teguran tanah yang telah ditanam dengan ganja samada boleh dirampas atau tidak, mula-mula saya telah mencadangkan dalam Rang Undang-undang

ini tetapi saya dapati pula berkenaan dengan rampasan tanah itu ialah kuasa Kerajaan Negeri. Sekiranya didapati mana-mana ada tanah yang telah ditanam dengan pokok-pokok ganja, maka pihak penguasa senang sahaja merepot atau memberitahu perkara itu kepada Pejabat Tanah dalam negeri itu supaya mengambil tindakan merampas tanah itu balik dan jadikan harta Kerajaan oleh sebab tuan tanah itu telah tidak mengikut syarat-syarat yang ada dalam geran tanah itu iaitu menanam pokok-pokok yang tertentu seperti kelapa, getah dan lain-lain. Kalau ada didapati perkara seperti itu saya percaya Pejabat Kerajaan Negeri dan Pejabat Tanah tidak ragu-ragu lagi akan merampas balik tanah itu.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak mengatakan kadang-kadang boleh jadi tanah kita itu termasuk ditanam ganja apa akan jadi kepada tuan tanah itu? Saya percaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat ini ada mempunyai tanah sedikit-sebanyak 3-4 ekar yang tidak diduduki di kampung-kampung. Perkara itu janganlah dibimbangkan kerana saya sendiri pun ada 2-3 ekar di sana sini di Johor, kalau ada orang hendak dengki kepada saya ditanamnya pula pokok ganja saya yang kena. Saya percaya dalam Undang-undang ini, melainkan tuan tanah itu tahu atau membenarkan barulah didapati bersalah. Kalau tidak demikian adalah merbahaya, kerana tiap-tiap seorang daripada kita ini ada mempunyai tanah dan jikalau ada orang yang sakit hati kepada kita ditanamnya ganja diatas tanah kita maka malanglah kita semua. Jadi, yang ditangkap itu buat kesalahan sekiranya dia membenarkan tanahnya itu ditanam ganja.

Yang pertama, kalau tanah itu ada rumah di atasnya maka Undang-undang menyatakan dia tahu yang pokok ganja itu ditanam di atas tanahnya mustahil bertahun-tahun dia duduk di atas tanah itu, di belakang rumah tanam ganja dia tidak tahu.

Yang kedua, dengan sebab kesalahan menangkap itu saya sebut di dalam Undang-undang ini siapa-siapa sahaja ada di atas tanah itu dan tanahnya ada dengan pokok ganja, maka Undang-undang menyatakan orang itu ialah penanam ganja, melainkan dia menerangkan di mahkamah yang dia tidak menanam ganja, kerana didapati yang

dia menanam waktu malam, waktu siang dia round dalam kebun ganja hendak tengok samada sudah tinggi ataupun belum untuk menuai. Tatkala itu kalau dia round dalam kebun ganja itu maka Undang-undang menyatakan dia itu bersalah kerana menanam ganja, jadi dia terpaksa menearangkan di mahkamah. Dengan sebab ada Undang-undang ini siapa sahaja terjumpa dengan ladang ganja jangan masuk, lari keluar lekas-lekas dan beritahu kepada pihak yang berkuasa.

Berkenaan dengan hukuman yang lebih berat saya memang telah menjalankan dan saya suka menyatakan pada pukul 12.00 tengahari tadi saya telah menandatangani satu lagi kes iaitu di Selangor, yang kelak akan dikenakan hukuman mati atau dijel seumur hidup kerana pengedar dadah. Perkara ini bukanlah semua kes yang boleh dibawa kepada hukuman mati atau dijel seumur hidup, saya hendaklah meneliti sehalus-halusnya melainkan saya benar-benar berpuas hati orang ini pengedar besar, yang betul-betul pengedar atau penjual atau peniaga dadah. Kita tidak mahu anak-anak buah kita yang menjual 2-3 batang pokok ganja atau 1-2 bungkus heroin yang patut dihukum bunuh atau jel seumur hidup. Perkara yang semacam itu hendaklah kita hukum di bawah Undang-undang biasa supaya dijel dan kalau boleh disebat dengan rotan.

Tentang berkehendakkan hukuman orang yang menghisap dadah, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat saya suka menyatakan di sini orang yang menghisap ganja kalau dia tidak mengedar boleh dihukum sekiranya ganja itu ada di tangannya atau di mulut, tetapi biasanya orang yang menjadi ketagih dadah dan tidak pengedar memangnya kita tidak hukum, melainkan kita cuba baiki mereka itu dengan memulihkan mereka itu di tempat-tempat pemulihan dan rawatan. Kalau penagih itu juga menjual ganja barulah kita hukumkan. Pada pendapat saya adalah kurang bijak kalau seorang itu didapati menghisap ganja dan ketagih ganja dan lain daripada itu dia tidak ada mengedar ganja kita hukum sahaja. Mengenai pendapat ini saya bersetuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini menyatakan mereka itu hanya budak-budak sekolah hendaklah dibantu, dipulih dan dirawat dan tidak dihukum.

Itulah sahaja yang dapat saya huraikan jawapannya dan saya mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan yang berguna.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (No. 2) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.10 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Akta bagi meminda Akta Perlembagaan (Pindaan (No. 2), 1973 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perlembagaan (Pindaan (No. 2), 1973 yang telah diluluskan berkaitan dengan menubuhkan Wilayah Persekutuan menimbulkan keraguan atau loophole yang boleh ditafsirkan bahawa hanya kuasa-kuasa Negeri yang terkandung di dalam Undang-undang Negeri sahaja dipindahkan kepada Kerajaan Persekutuan, manakala kuasa-kuasa Negeri yang terkandung dalam Undang-undang Persekutuan tidak dipindahkan sedemikian.

Tafsiran ini timbul kerana seksyen-kecil (1), seksyen 6 dalam Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2), 1973 hanya dengan nyata menyebutkan perbahasan "undang-undang Negeri" (State laws) dan oleh itu perbahasan "mana-mana undang-undang" dalam seksyen-kecil (2) akan bererti "mana-mana undang-undang Negeri", dan oleh

yang demikian hanya kuasa pemerintahan Negeri sahaja, sebagaimana yang terdapat dalam undang-undang Negeri, dipindahkan kepada Pihak berkuasa Persekutuan.

Tentu sekali ada banyak undang-undang Persekutuan yang memberi kuasa-kuasa kepada Pihakberkuasa-pihakberkuasa Negeri, oleh yang demikian dengan tidak menyebutkan undang-undang Persekutuan dalam seksyen 6 Akta itu ianya akan memberi erti bahawa kuasa ini masih lagi tertakluk kepada Negeri dan ini bukanlah yang dimaksudkan oleh Akta itu.

Untuk mengelakkan tafsiran ini maka perlulah dipinda, dibuat pindaan kepada seksyen tersebut sebagaimana yang terkandung dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan itu.

Saya mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, ini bukanlah pindaan kepada Perlembagaan, tetapi pindaan kepada Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2), 1973 di mana terdapat peruntukan khas mengenai penubuhan Wilayah Persekutuan dan dengan demikian tidak berkehendakkan majoriti 2/3, iaitu majoriti biasa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan ditunjukkan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LETRIK (PINDAHMILIK PEPASANGAN LETRIK)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.15 ptg.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Suatu Rang Undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Akta Letrik (Pindahmilik Pemasangan Letrik), 1975 dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk mengadakan peruntukan untuk memindahmilik pemasangan letrik yang dipunyai dan dikendalikan oleh Lembaga Pengurus, Kerajaan Tempatan Pulau Pinang, ringkasnya L.P.K.T. kepada Lembaga Letrik Negara, ringkasnya L.L.N. Negeri-negeri Tanah Melayu dan untuk perkara-perkara berhubung dengannya supaya pengambilalihan Jabatan Bekalan Letrik atau L.P.K.T. Pulau Pinang dapat dijalankan dengan licinnya.

Sebab utama mengapa L.L.N. mengambilalih perkhidmatan letrik ini dari Lembaga Pengurus, Kerajaan Tempatan Pulau Pinang khususnya Jabatan Bekalan Letrik Pulau Pinang ialah kerana pembangunan negara yang pesat dan juga untuk memenuhi permintaan tenaga yang semakin bertambah di seluruh Semenanjung Malaysia amnya, dan Pulau Pinang khususnya, yang mana L.L.N. sebagai organisasi nasional akan dapat memenuhi kehendak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pengambilalihan ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengadakan perkhidmatan bekalan letrik secara usaha yang dipersatukan untuk kepentingan semua rakyat di seluruh Semenanjung Malaysia. Dengan pembangunan ekonomi dan rancangan perindustrian yang semakin pesat di Negeri Pulau Pinang permintaan bekalan letrik di Pulau Pinang semakin hari semakin bertambah. Oleh yang demikian, demi supaya rancangan perkembangan ekonomi tidak terbantut dan demi untuk memberikan perkhidmatan yang lebih sempurna untuk rakyat di Negeri Pulau Pinang dalam jangka panjangnya, maka adalah wajar bagi perkhidmatan ini diberi secara langsung oleh L.L.N. yang mempunyai keupayaan yang lebih besar baik dari segi sumber, penjanaan

tenaga dan sistem pengagihannya. Pengagihan tenaga letrik pula adalah dibuat melalui satu projek yang dinamakan Grid Kebangsaan yang bersambung-sambung dari Kangar ke Johor Bahru pada masa ini dan juga akan dilanjutkan ke Pantai Timur tidak lama lagi. Dengan Grid Kebangsaan ini bermakna semua tenaga letrik yang dijana di stesyen-stesyen janaletrik seluruh tanahair samada di stesyen-stesyen haba atau haidero akan dikumpulkan sebagai satu punca tenaga dan dibahagi-bahagikan kepada pengguna-pengguna di seluruh tanahair kita. Ini bererti bahawa penduduk-penduduk di Negeri Pulau Pinang tidak semestinya bergantung kepada tenaga letrik yang dijana di Pulau Pinang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang terkandung dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini terutamanya pindaan kepada seksyen 92 Akta Letrik, 1949 iaitu peruntukan khas bagi Pulau Pinang akan membolehkan Lembaga Letrik Negara mengambil segala kuasa dan urusan berkenaan dengan bekalan letrik di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang ini dibacakan pada kali yang keduanya.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tempohkan Majlis Mesyuarat ini selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 5.20 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.35 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta maaf kerana terpaksa kena tempohkan Majlis kita sebentar tadi untuk saya menyemak Peraturan Mesyuarat kita berkenaan dengan Rang Undang-undang Letrik (Pindahmilik Pemasangan Letrik), 1975 (DR. 63/75).

Sudahlah sah bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat kita, Setiausaha Parlimen hanya dapat masuk campur dalam perbahasan di dalam pindaan yang kita buat itu ialah perbahasan berkenaan dengan Budget sahaja.

Bila hendak kemukakan Rang Undang-undang, kenalah samada oleh Menteri sendiri ataupun Timbalan Menteri.

Jadi, apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi tidaklah sah, dan kenalah dikemukakan semula oleh seorang Menteri ataupun seorang Timbalan Menteri. Adakah seorang Menteri telah sanggup mengemukakannya? Kalau begitu, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri sekali lagi mengemukakan Rang Undang-undang Letrik (Pindahmilik Pemasangan Letrik), 1975.

RANG UNDANG-UNDANG LETRIK (PINDAHMILIK PEPASANGAN LETRIK)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.36 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, saya mohon mencadangkan Suatu Rang Undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Akta Letrik (Pindahmilik Pemasangan Letrik), 1975 dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk mengadakan peruntukan untuk memindahmilik pemasangan letrik yang dipunyai dan dikendalikan oleh Lembaga Pengurus, Kerajaan Tempatan Pulau Pinang ataupun L.P.K.T. kepada Lembaga Letrik Negara (L.L.N.), Negeri-negeri Tanah Melayu dan untuk perkara-perkara berhubung dengannya supaya pengambilalihan Jabatan Bekalan Letrik atau L.P.K.T. Pulau Pinang dapat dijalankan dengan licinnya.

Sebab utama mengapa L.L.N. mengambil alih perkhidmatan letrik ini dari Lembaga Pengurus, Kerajaan Tempatan Pulau Pinang khususnya Jabatan Bekalan Letrik Pulau Pinang ialah kerana pembangunan negara yang pesat dan juga untuk memenuhi permintaan tenaga yang semakin bertambah di seluruh Semenanjung Malaysia amnya, dan Pulau Pinang khasnya, yang mana L.L.N. sebagai organisasi nasional akan dapat memenuhi kehendak tersebut.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, pengambilalih ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengadakan perkhidmatan bekalan letrik secara usaha yang dipersatukan untuk kepentingan semua rakyat di seluruh Semenanjung Malaysia. Dengan pembangunan ekonomi dan rancangan perindustrian yang semakin pesat di Negeri Pulau Pinang permintaan bekalan letrik di Pulau Pinang semakin hari semakin bertambah. Oleh yang demikian, demi supaya rancangan perkembangan ekonomi tidak terbantut dan demi untuk memberikan perkhidmatan yang lebih sempurna untuk rakyat di Negeri Pulau Pinang dalam jangka panjangnya, maka adalah wajar bagi perkhidmatan ini diberi secara langsung oleh L.L.N. yang mempunyai keupayaan yang lebih besar baik dari segi sumber, penjana tenaga dan sistem pengagihannya. Pengagihan tenaga letrik pula adalah dibuat melalui satu projek yang dinamakan Grid Kebangsaan yang bersambung-sambung dari Kangar ke Johor Bharu pada masa ini dan juga akan dilanjutkan ke Pantai Timur tidak lama lagi. Dengan Grid Kebangsaan ini bermakna semua tenaga letrik yang dijana di stesyen-stesyen janaletrik seluruh tanahair samada di stesyen-stesyen haba atau haidero akan dikumpulkan sebagai satu punca tenaga dan dibahagi-bahagikan kepada pengguna-pengguna disegenap pelusuk tanahair tidak kira di mana-mana sahaja. Ini bererti bahawa penduduk-penduduk di Negeri Pulau Pinang tidak semestinya bergantung kepada tenaga letrik yang dijana di Pulau Pinang sahaja.

Pindaan yang terkandung dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini terutamanya pindaan kepada Seksyen 92. Akta Letrik, 1949 iaitu peruntukan khas bagi Pulau Pinang akan membolehkan Lembaga Letrik Negara mengambilalih segala kuasa dan urusan berkenaan dengan bekalan letrik di Pulau Pinang.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.42ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tim-

balan Menteri yang berkenaan tadi iaitu Rang Undang-undang Letrik (Pindahmilik Pemasangan Letrik), 1975.

Sokongan yang saya buat ini berdasarkan kepada kekurangan tenaga letrik di Negeri Pulau Pinang semenjak akhir-akhir ini lantaran oleh kerana kepesatan kemajuan industri di Negeri Pulau Pinang sendiri, dan pada waktu akhir-akhir ini banyak kawasan-kawasan terutama kawasan-kawasan di luar daripada Bandaraya Pulau Pinang yang selalu kekurangan tenaga letrik dan selalu dicatu tenaga letrik di kawasan-kawasan tersebut. Ini yang dirungut oleh penduduk-penduduk di kawasan luar bandar seolah-olah pihak Kerajaan menganaktirikan mereka yang di luar bandar. Jadi dengan adanya pengambilalih oleh Lembaga Letrik Negara terhadap kuasa yang dipegang oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan dalam hal letrik, maka adalah diharapkan tenaga letrik daripada hydro-electric Cameron Highlands dan daripada lain-lain jana kuasa letrik yang telah diberi oleh L.L.N. dapat ditambah ke negeri Pulau Pinang.

Satu perkara lagi yang hendak saya minta perhatian daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ialah masalah pembayaran bil-bil letrik. Selama ini Lembaga Pengurusan Kerajaan Tempatan memungut bil-bil iaitu bil air, api, pembayaran cukai tanah, hasil rumah dan sebagainya, pembayaran ini boleh dibuat di satu tempat. Jadi dengan pengambilalih oleh Lembaga Letrik Negara terhadap kuasa letrik di Negeri Pulau Pinang, maka ada kemungkinan rakyat terpaksa membayar bil-bil ini di dua tempat. Ini akan menyusahkan rakyat. Jadi, apa yang saya harapkan ialah supaya pihak L.L.N. dapat mengadakan rundingan dengan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan supaya pembayaran bil-bil ini boleh dibuat di satu tempat, samada kepada pihak Lembaga Letrik Negara ataupun L.P.K.T. Dengan cara ini kita boleh menjimatkan wang setem. Sungguhpun pada sekali lalu kita nampak setem belanjanya hanya 10 sen, tetapi pengguna letrik di Pulau Pinang berjumlah beratus ribu. Ini memakan belanja yang agak besar. Kalau kita dapat satukan bil-bil ini kita boleh menjimatkan wang setem iaitu Lembaga Letrik Negara boleh berkongsi setem ini dengan pihak L.P.K.T. dan Pihak Berkuasa Air iaitu ada satu lagi badan yang menjaga hal ehwal pembekalan air di Pulau Pinang.

Bolehlah diadakan rundingan di antara tiga badan ini untuk mencari jalan supaya ketiga-tiga bil ini akan dapat disatukan dan dapat dibayar pada satu tempat. Ini memudahkan kepada orang ramai untuk menyelesaikan masalah masing-masing dan mengatasi perbelanjaan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, apabila L.L.N. mengambilalih kuasa letrik daripada Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan ini, maka berbangkit juga masalah pekerja-pekerja letrik yang telah berkhidmat lama dalam L.P.K.T. Lembaga ini ada undang-undang dan peraturan sendiri yang ada kemungkinan besar berlainan daripada undang-undang dan peraturan yang dijalankan oleh Lembaga Letrik Negara. Jadi sebelum pengambilalih ini dibuat diharaplah pihak L.L.N. akan dapat mengadakan rundingan dengan Kesatuan Pekerja-pekerja Letrik dan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan ini supaya kepentingan pekerja-pekerja itu tidaklah diabaikan sehingga pekerja-pekerja ini dimasukkan ke dalam perkhidmatan Lembaga Letrik Negara.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya ucapkan terima kasih.

5.47 ptg.

Tuan Tan Cheng Bee (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan di hadapan kita ini.

Saya rasa pengambilalih ini sudah patut dijalankan pada beberapa tahun yang lepas. Saya berkata begitu kerana pada pendapat saya Lembaga Letrik Negara adalah lebih cekap daripada Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan di Pulau Pinang, kerana L.L.N. mempunyai pegawai-pegawai yang mahir dalam perkara ini. Saya percaya dengan pengambilalih ini penduduk-penduduk di Pulau Pinang akan mendapat perkhidmatan yang lebih baik lagi. Saya harap Lembaga Letrik Negara akan mengambil tindakan yang sewajarnya di dalam perkara-perkara letrik di Pulau Pinang. Satu sahaja saya minta iaitu saya harap pihak L.L.N. akan mengambil tindakan untuk mengadakan simpanan perkakas-perkakas yang secukupnya untuk membaiki jentera-jentera yang rosak dengan segera, kerana apabila berlaku kerosakan Jabatan mengatakan tidak ada perkakas atau kurang perkakas. Itulah sahaja.

5.48 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau dan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam oleh kerana memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini.

Berkaitan dengan kekurangan tenaga letrik di Pulau Pinang sepertimana yang saya jelaskan tadi tujuan L.L.N. atau Kerajaan supaya bekalan letrik di Pulau Pinang akan disatukan dengan Grid Kebangsaan di mana sekiranya ada kekurangan bekalan letrik di mana-mana tempat ada sumber-sumber yang lain yang boleh menambah bekalan letrik itu seperti yang telah disebutkan tadi oleh Yang Berhormat sendiri. Misalnya, dari hydroelectric, Cameron Highlands.

Masalah yang berkaitan dengan pengambilan kakitangan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan pengambilan alih Jabatan Bekalan Letrik dan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan di Pulau Pinang telahpun tiba ke peringkat penyelesaian di mana soal-soal pengambilan kakitangan dan sebagainya telahpun dibereskan.

Mengenai kakitangan Jabatan Bekalan Letrik, sukacita saya memaklumkan bahawa lebih kurang 94% kakitangan tersebut telahpun menerima tawaran untuk berkhidmat dengan Lembaga Letrik Negara.

Baki 6% kakitangan yang telah tidak menerima tawaran untuk berkhidmat dengan L.L.N. ialah di antara mereka yang hampir akan bersara daripada perkhidmatan dan juga yang boleh bekerja sehingga meningkat umur 60 tahun. Golongan pekerja-pekerja tersebut adalah di antara mereka yang telah tidak menerima syarat-syarat Sekim Suruhanjaya Harun yang di antaranya mensyaratkan umur persaraan ditetapkan kepada 55 tahun.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam juga memberi sokongan atas Rang Undang-undang ini dan berkaitan dengan jentera-jentera yang barangkali kerap kali sekarang ini rosak di Pulau Pinang apabila L.L.N. mengambilalih bekalan letrik di sana L.L.N. akan juga bertanggungjawab atas kerosakan itu.

Maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya terlupa pada satu cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau supaya bil-bil letrik boleh disatukan dengan bil-bil air di

Pulau Pinang. Inilah satu cadangan yang baik dan perkara ini akan dirojokkan kepada pihak L.L.N. supaya dikaji, dan jikalau tidak ada halangannya, barangkali boleh diterima.

Sekian sahaja yang saya dapat memberi jawapan bagi pihak Kementerian Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG WANG TAK DITUNTUT (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.54 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Wang Tak Dituntut, 1965" dibaca bagi kali yang kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta ini telahpun dikuatkuasakan pada 1hb Jun, 1975 tetapi dari segi praktikal telah didapati beberapa pindaan yang lain terpaksa dibuat untuk memperbaiki soal-soal pentadbiran yang berkaitan dengan undang-undang ini.

Adalah didapati, umpamanya, borang yang diperuntukkan di dalam seksyen 10 (1) Akta ini tidak memuaskan dan dengan itu suatu borang yang baharu dan lebih baik telah disediakan. Tiap-tiap syarikat atau firma yang menyimpan wang-wang tak dituntut, adalah dikehendaki mendaftarkan wang-wang tersebut di dalam borang yang baharu itu.

Seksyen 10 (2) kepada Akta ini terpaksa juga dipinda supaya bersesuaian dengan Fasal 2 (b) kepada Rang Undang-undang ini untuk membolehkan Pendaftar Wang Tak Dituntut merekodkan semua wang-wang tak dituntut daripada berbagai-bagai badan yang berkaitan, sehingga akhir bulan Februari pada satu-satu tahun. Badan-badan ini juga dikehendaki untuk menyiarkan senarai daftar wang tak dituntut itu di dalam Warta Kerajaan pada bulan Mac tiap-tiap tahun.

Fasal 2 (1) kepada Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk menambah bilangan borang-borang yang patut dihantar oleh syarikat-syarikat atau firma-firma yang berkenaan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut sebagai salinan-salinan tambahan untuk memenuhi keperluan pentadbiran biasa. Bagi perbadanan-perbadanan yang termasuk di bawah Akta Syarikat, semua senarai wang tak dituntut mestilah disahkan oleh seseorang "pegawai" dan bukannya seseorang "ahli" kepada perbadanan itu kerana perkataan "ahli" seperti yang difahamkan di bawah Akta Syarikat bermakna tiap-tiap pemegang saham.

Fasal-fasal 2 (e), 3 dan 4 kepada Rang Undang-undang ini adalah untuk membolehkan Pendaftar meninggikan lagi bayaran pemeriksaan (inspection fees) daripada satu ringgit kepada tiga ringgit dan bayaran denda juga ditinggikan daripada \$25 kepada \$50, \$50 kepada \$100 dan \$500 kepada \$1,000 tiap-tiap hari kerana penambahan dari segi bayaran denda ini difikirkan perlu untuk melaksanakan pentadbiran yang lebih berkesan terhadap Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG PINJAMAN PERUMAHAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.01 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan), 1975 dibaca bagi kali yang kedua.

Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971, sebagai yang terdapat sekarang ini, hanya membolehkan anggota perkhidmatan awam, iaitu kakitangan Kerajaan, sahaja mendapat pinjaman wang perumahan di bawah Sekim Pinjaman Perumahan Kerajaan kerana undang-undang itu digubal bagi melaksanakan sekim pinjaman mengikut syor Lapuran Suruhanjaya Gaji Suffian. Tetapi kemudiannya Sekim Pinjaman itu telah juga dilanjutkan kepada Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik. Baharu-baharu ini Kerajaan telah menerima syor Suruhanjaya Gaji Harun melanjutkan juga kemudahan Sekim Pinjaman Perumahan kepada kakitangan Badan-badan Berkanun dan kakitangan Penguasa-penguasa Tempatan. Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971 supaya mereka yang disebutkan tadi, selain dari Anggota Perkhidmatan Awam, boleh juga mendapat pinjaman wang dari Kumpulanwang Pinjaman yang ditubuhkan di bawah Akta itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.03 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong

Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sebentar tadi. Dengan sebab kedudukan sekarang, sekiranya kita tidak memberi peruntukan yang cukup kepada pegawai-pegawai kita untuk membeli rumah maka sudah tentu mereka tidak dapat membelinya, memandangkan kedudukan sekarang di mana harga rumah terlampau mahal. Kalau dengan gaji yang ada dengan tidak ada harta-pesaka dan mempunyai apa-apa harta lagi maka sudah tentu susah bagi pegawai-pegawai awam kita untuk membeli rumah. Dengan adanya Akta ini saya rasa dapatlah sedikit-sebanyak perasaan puas hati pegawai-pegawai awam kita dan berterima kasih kerana mereka dapat membeli rumah yang sempurna dengan adanya Akta ini dan peruntukan yang diberi oleh pihak Kerajaan.

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh sedikit bahawa kedudukan sekarang ini rumah-rumah yang dibina oleh beberapa pihak khususnya di kalangan swasta saya dapati kadang-kadang harganya terlampau mahal. Saya rasa pihak Kerajaan harus mengambil perhatian agar harga rumah-rumah ini tidak terlampau mahal, kerana apa yang saya tahu yang terlalu mahal itu ialah nilai harga tanah yang dikenakan kepada kawasan rumah yang didirikan itu terlampau tinggi. Kalau Kerajaan negeri menilai, misalnya, dengan harga \$17 satu kaki, maka telah dijual dengan harga \$20 satu kaki setelah penguasa perumahan ini membuatnya dan menjual kepada pihak orang ramai. Saya rasa perkara ini harus diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan.

Berkait dengan pinjaman yang dipinjamkan kepada Kerajaan Negeri bagi maksud Kumpulanwang Pinjaman Perumahan bagi negeri-negeri, saya rasa ini satu perkara yang baik sekali kerana kedudukan sekarang pihak pentadbir atau pegawai-pegawai negeri pun mengalami masalah yang sama juga dengan masalah pegawai-pegawai Persekutuan dan selalunya Kerajaan Negeri mengalami masalah yang besar dalam bidang kewangan walaupun tuntutan memerlukan wang yang banyak bagi menyelesaikan kehendak-kehendak pegawai-pegawai, Kerajaan Negeri selalunya tidak dapat menunaikannya dengan sebab wang tidak ada. Kalau beberapa buah negeri, misalnya negeri Trengganu, Kelantan, saya agak Kedah dan

Perlis pun selalunya kurang wang, saya rasa dengan peruntukan ini saya berharap Kerajaan Pusat boleh memberi wang kepada Kerajaan Negeri dengan lebih sempurna. Satu perkara sahaja lagi yang saya berharap agar dapat kiranya dibuat kiraan bunga (interest) yang diberi kepada Kerajaan Negeri itu murah ataupun kalau tidak samapun hampir sama dengan interest pinjaman yang didapati oleh Kerajaan Persekutuan dari punca-punca yang tertentu. Dengan demikian Kerajaan Negeri akan dapat memberi pinjaman itu kepada pegawai-pegawai dengan interest yang murah juga. Ini untuk mengelakkan beban yang dialami oleh pihak yang berkenaan.

6.08 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Dungun atas pandangan beliau tentang masalah yang dihadapi oleh kakitangan Kerajaan oleh kerana sebenarnya harga tanah dan juga harga rumah telah naik terlalu tinggi. Masalah ini sedang dikaji oleh Syarikat Perumahan.

Berkaitan dengan peruntukan wang kepada Kerajaan Negeri supaya memberi juga pinjaman kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan Negeri masing-masing, pihak Perbendaharaan adalah sedikit-sebanyak memberi pinjaman kepada negeri-negeri yang kekurangan wang supaya kemudahan-kemudahan ini boleh diberi kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan Negeri yang berkenaan. Seperti mana yang saya telah terangkan dalam Dewan ini dahulu, peruntukan untuk syarikat ini supaya mengadakan beberapa rancangan perumahan sedang diproses dalam syarikat. Saya berharap pada masa yang akan datang barangkali kemudahan ini bolehlah diberi kepada semua kakitangan yang berhasrat untuk membeli rumah persendirian.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.10 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967" dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengendurkan sekatan atas potongan potongan bagi tujuan cukai pendapatan di mana bonos dibayar oleh majikan-majikan kepada pekerja-pekerja mereka. Mulai dari tahun taksiran 1976 sebanyak seribu ringgit atau 2/12 mengikut mana yang lebih tinggi dari gaji tiap-tiap pekerja boleh dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan-tujuan cukai untuk majikan atas bayaran-bayaran bonos kepada tiap-tiap pekerja. Dengan pindaan ini seorang majikan boleh mendapat lebih dari dua bulan gaji sebagai potongan untuk tujuan-tujuan cukai di mana jumlah gaji adalah kurang dari \$500 sebulan.

Dengan ini, majikan-majikan yang mampu berbuat demikian boleh mendapat potongan bagi tujuan-tujuan cukai apabila mereka membayar bonos lebih dari dua bulan kepada pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah dan pindaan ini dibuat untuk kepentingan kumpulan pekerja tersebut.

Rang Undang-undang ini, disebaliknya, juga bertujuan untuk meminda kadar-kadar cukai pendapatan yang dipakai bagi tiap-tiap seseorang pemastautin dengan menaikkan kadar-kadar ini di mana pendapatan yang dikenakan cukainya melebihi \$15,000 setahun. Oleh kerana butir-butir lanjut mengenai pindaan-pindaan ini telahpun diterangkan kepada Dewan ini oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan apabila beliau mengemukakan Belanjawan Tahun 1976 pada 6hb November, 1975, saya tidak perlu menghuraikan dengan lebih lanjutnya pada peringkat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.14 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan saya percaya bahawa tiap-tiap Rang Undang-undang yang dikemukakan adalah kerana sebab-sebab tertentu dan sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini memang akan mendatangkan kebaikan kepada kedua pihak iaitu majikan dan pekerja. Walau bagaimanapun, saya suka menyentuh satu perkara berkenaan dengan Jabatan Cukai Pendapatan ini. Jika ada sesuatu appeal ataupun sesuatu rayuan yang dibuat atas sesuatu taksiran yang dikenakan, maka kerap kali apabila orang yang membuat rayuan itu berjumpa dengan pegawai-pegawai selalu pegawai itu mengatakan "Pay first, appeal later" ataupun bayar dahulu, rayuan belakang kira. Jadi selalu orang yang hendak membayar cukai atau membuat rayuan itu sebab dia berpendapat bahawa taksiran yang dikenakan itu adalah taksiran yang tidak sewajarnya, barangkali ada kesilapan somewhere along the line yang patut pakar di Jabatan Cukai Pendapatan menasihatkan, kerana bukan semua orang, bukan semua kita betul-betul faham apabila mengisi borang penyata Cukai Pendapatan untuk menentukan taksiran cukai kita.

Jadi kalau kita pergi kepada Jabatan Cukai Pendapatan ini patut sangat pegawai itu menasihatkan orang yang berkenaan supaya dapat kalaulah dikenakan cukai pendapatan \$12,000 umpamanya setahun maka ada cara-caranya bukan cara untuk menipu Kerajaan, tetapi cara-cara yang betul. Boleh jadi orang berkenaan itu tersilap masuk atau tersilap tulis dan boleh diperbetulkan supaya cukai pendapatan itu dapat dikurangkan tetapi sebaliknya pula kebanyakan daripada pegawai itu tidak berpendirian begitu, seperti saya katakan tadi mereka mahu kita bayar serta-merta dan rayuan (appeal) boleh dibuat kemudian. Jadi, saya berharap teguran saya mendapat perhatian daripada Timbalan Menteri supaya dapat beliau memikirkan cara-cara yang baik di mana kita yang mem-

bayar cukai pendapatan itu kita bayar dengan hati yang ikhlas, kita tidak akan mengatakan: ambillah, aku tak halalkan duit itu.

6.17 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan Akta ini saya suka menyebut sedikit sahaja berupa tambahan daripada ucapan Yang Berhormat dari Kuala Selangor tadi. Satu perkara yang selalu timbul dalam tindakan bagi melaksanakan Akta ini ialah masalah perselisihan faham di antara orang-orang yang hendak membayar cukai pendapatan dengan orang-orang yang bertugas memungut cukai pendapatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara saya suka contohkan di sini iaitu satu penyata kira-kira yang telah dihantar oleh satu-satu syarikat ataupun penyata yang telah dibuat oleh seseorang ahli perniagaan, yang di dalam harta kepunyaannya itu termasuklah rumah sewa dan harta perniagaan yang lain. Maka apabila dicampurkan pendapatan itu, pendapatan hasil daripada rumah sewa itu sudah tentulah satu pendapatan yang tetap diterima oleh tuan punya itu, tetapi pendapatan daripada perniagaan lain itu rugi, maka apabila dicampurkan keduanya itu maka jumlah semuanya didapati rugi. Tetapi apabila dihantar penyata kira-kira itu pihak pegawai berkenaan mengasingkan keuntungan dan kerugian. Jadi katanya: "yang rugi itu kamu tanggunglah, tetapi sewa rumah yang mendapat untung mesti dikenakan cukai juga." Saya rasa ini adalah tidak menasabah sebab harta itu kepunyaan seorang, apabila dihantar penyata mengapa pula diasingkan. Jadi, tidaklah wajar dikatakan, yang rugi itu kamu tanggung, yang untung aku hendak cukai juga. Perkara ini yang tidak memuaskan, lebih-lebih lagi kalau kita fikir secara waras sekalipun tidak menasabah. Walaupun kita sedar bahawa pihak Kerajaan berkehendakan wang dan tambahan kewangan, tetapi dengan cara-cara demikian adalah suatu penganiayaan kepada rakyat apabila dilakukan seperti itu.

Satu perkara lagi yang selalu berlaku dalam masalah ini ialah perselisihan apabila seseorang itu menghantar kira-kirannya maka pihak pegawai yang tertentu menambah. Dia pakai tambah dengan cara dia, mana yang

tidak menasabah dan mana yang lebih menasabah. Inipun satu perkara juga. Walaupun hendak ditambah, sepatutnya mintalah penjelasan, benarkah kamu membuat kira-kira ini betul ataupun tidak. Ini tidak, apabila sampai sahaja surat notis didapati sudah ditambah dengan sendirinya, seolah-olah dia yang lebih tahu daripada orang yang menghantar, daripada tuan punya. Inipun menjadi masaalah juga.

Satu perkara lagi mengenai masalah tambah kadar cukai. Kita sebagai Wakil Rakyat selalu menerima aduan dan minta supaya kita rundingkan tetapi maklum sahajalah perkara ini susah kita hendak campurtangan sebab kadar cukai itu ditambah. Katakanlah kira-kira itu dibuat dengan seorang itu, cukai yang kena dibayar kepada Kerajaan \$500 setahun tetapi apabila sampai surat tuntutan: Kamu kena bayar \$800 atau \$1,000—dia tambah begitu sahaja. Perkara ini selalu berlaku. Apabila seseorang itu membawa kemusykilan atas perkara ini maka berlakulah sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor sebutkan tadi, jadi mahu tidak mahu kamu kena bayar dahulu, runding kemudian. Masaalah bayar dahulu yang jadi susah. Kalau bayar kemudian boleh kira, tetapi bayar dahulu runding kemudian. Inilah yang tidak boleh tahan. Kadang-kadang sampai sahaja surat notis, mahu tidak mahu kamu kena bayar, kalau kamu tidak bayar sekian-kian bulan, kamu akan didakwa di mahkamah. Jadi bila hendakkan harta orang ini, tolonglah berhemat-hemat sedikit. Saya berharap benar kepada Kementerian yang berkenaan ini supaya tolonglah melembutkan sedikit tindak-tanduk dalam soal ini, sebab sudahlah orang-orang yang bertanggungjawab membayar kepada Kerajaan ini bersusah payah mencari wang untuk mendapat keuntungan dari hasil titik peluhnya sendiri, apabila datang sahaja surat notis yang hendak mengambil duit dengan senangnya, mahu tidak mahu bayar dahulu, kalau tidak akan dibawa ke mahkamah. Oleh kerana hamba Allah ini takut hendak pergi ke mahkamah, dibayarnya dahulu, rundingan belum tahu lagi samada dapat ataupun tidak.

Saya benar-benar merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya tolong mengasuh, tolong memberi d'dikan, tolong memberi teguran supaya tindakan-tindakan seperti ini jangan sampai menyedihkan. Kalau terlampau sedih sangat, saya bimbang

lebih ramai lagi orang-orang yang hendak bayar cukai kepada Kerajaan ini akan lebih mencari akal, kalau macam ini caranya lebih baik aku lari, jadi tidak rasa mesra, tidak rasa sukarela, gunakan cara paksa dan dakwa di mahkamah sahaja. Akta ini bagi setengah-setengah rakyat di dalam negeri ini mengatakan apabila sampai sahaja sampul surat yang begitu, ini bala sudah datang. Apa sebab bala sudah datang? Sebab kita buat perhitungan lain, datangnya lain, kena bayar dahulu. Jadi saya merayu benar-benar, bukan hendak marah, minta dirayu sebagaimana saudara saya dari Kangar selalu sebut ini rayu, minta tolong berlembut sedikit, jangan terlampau keras. Nampaknya pada masa-masa yang lepas ini terlampau keras. Saya merayu sekali lagi, undang-undang, undang-undang juga, tetapi bertindaklah secara berlembut, bertindaklah secara kasihan-belas, kita berunding sesama manusia ini walaupun undang-undang di pihak tuan, tetapi pihak orang yang membayar cukai pun hendak patuh juga kepada undang-undang.

Sekianlah sahaja, saya ucapkan terima kasih.

6.25 ptg.

Tuan Lim Cho Hock (Ipoh): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Campur-campur.

Tuan Lim Cho Hock: (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I have only two or three points to make here. Firstly, I would like to suggest to the Government that any law passed or made by Parliament should be applied fairly to all regardless of whether the person concerned is a superman or he-man. In this particular respect I would like to refer to the recent boxing match between Muhammad Ali and Joe Bugner. I understand that the Government has not collected a single cent from either of these boxers although they made millions of ringgit from the Malaysians. If the people look at the way the Government applies the income tax law, they are not happy over it. Surely Muhammad Ali and Joe Bugner can afford to pay taxes to our Government, but very sadly the Government has not collected a single cent.

Mr Speaker, Sir, I was in the U.S.A. for about a month or two three years ago and when I left U.S.A. I was given some sort of certificate from the Revenue Department stating that I had paid all duties and taxes due to the United States Government, or that I was not earning any money there and therefore I was exempt from any taxation—this was a requirement before I could get out of U.S.A. So even a rich country like the U.S.A. is very strict on the foreigners earning in the U.S.A. and they tax the foreigners who make money in the United States even for a short period. Therefore, I hope the Government can give an explanation on this particular matter.

The other day the Minister concerned replied to my question regarding this matter and said that assessment notices would be sent to Tinju Dunia to be filled up next year. Yes, but what about those two boxers? They have already left the country. We are not concerned with Tinju Dunia; we are concerned with the two boxers themselves. If Tinju Dunia ever made a profit, then we can, on top of taxing the boxers, tax Tinju Dunia also. That is a separate matter altogether. But is the Government going to send notices to Muhammad Ali and Joe Bugner to fill up the tax forms. That is the question.

Another point is that the Government should be very strict in investigating rich people—how they escape income tax. I do not know whether the Government is aware—I am sure the Government is aware—that a lot of rich people go and buy up the winning Social Welfare lottery tickets—first prize, second prize, third prize and so on and so forth. They buy them up and they are prepared to pay 10% or 20% more than the

prizes given. Why? I understand that these winning tickets are exempt from tax. So they buy them up; they are prepared to pay 10% or 20% and then in their accounts they can show that they got the money through winning from the Social Welfare Lottery. It is also the same with the purchasing of winning three and four digits tickets.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Yang Berhormat, panjangkah lagi?

Tuan Lim Cho Hock: Yes.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Saya ingat Yang Berhormat boleh sambung esok.

Tuan Lim Cho Hock: I am going to wind up already. One point more.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Only one minute?

Tuan Lim Cho Hock: Yes. Even on these winning tickets from the races, has the Government investigated whether the rich people are buying up all the winning tickets because by buying up all these winning tickets they would escape income tax. The dishonest people are running away from all these but the honest people, like the Government servants, those with fixed incomes, teachers and others are penalised.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 16hb Disember, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.